

NBD - QATAR TEROKAI BIDANG MENINGKATKAN KERJASAMA DIPLOMATIK

Oleh : Hajah Siti Zuraiha
Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, berkenan menerima mengadap Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Kerajaan Qatar, Tuan Yang Terutama Soltan bin Saad Al-Muraikhi, yang mengadakan lawatan kerja ke negara ini selama tiga hari.

>> Muka 3

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Kerajaan Qatar, Tuan Yang Terutama Soltan bin Saad Al-Muraikhi.
- Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



Berkenan hantar titah perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr., kerajaan serta

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Ferdinand Romualdez Marcos Jr., kerajaan serta

rakyat Republik Filipina berikutan dengan kejadian Taufan Kalmaegi yang telah melanda Republik Filipina baru-baru ini sehingga mengakibatkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda awam.

Membentuk perbandaran, penempatan penduduk mampan, inklusif, berdaya huni

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Setiap pihak memainkan peranan strategik dalam memastikan keseimbangan antara pertumbuhan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan sosial.

Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad

Juanda bin Haji Abdul Rashid seterusnya menjelaskan, kita perlu melihat peranan perancangan bandar bukan hanya memfokuskan kepada pengurusan penggunaan tanah atau pembangunan fizikal, tetapi sebagai wadah kolaboratif yang menuntut penglibatan semua pihak.

"Melalui kolaborasi yang bermutu adalah dihasratkan akan dapat menghasilkan pendekatan perancangan perbandaran yang

lebih menyeluruh, sepadu, inklusif dan inovatif, selaras dengan matlamat Wawasan Negara 2035 bagi mencapai pertumbuhan ekonomi mampan serta kualiti kehidupan yang bermutu tinggi," ujar Yang Berhormat semasa Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 peringkat kebangsaan berlangsung di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

>> Muka 5

Mentakrif peranan pendidikan tinggi dalam membentuk masa depan

Oleh : Haniza Abdul Latif

TUNGKU LINK, Selasa, 11 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya menganjurkan Sidang Kemuncak dan Pameran Pendidikan Tinggi Antarabangsa mengenai Keusahawanan,

Inovasi dan Pengkomersialan (International Higher Education Summit and Exhibition on Entrepreneurship, Innovation & Commercialisation - IHEEIC) 2025 selama dua hari bermula hari ini hingga 12 November 2025.

Sehubungan dengan itu, Majlis Perasmian

IHEEIC 2025 berlangsung di Dewan Canselor, UBD, di sini, dan dihadiri oleh Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh, selaku tetamu kehormat majlis.

>> Muka 6



Berita Utama



MEMAJUKAN cita-cita bersama untuk ASEAN lebih kuat, bersatu

Muka 4




MENGHIASI kehidupan seharian dengan zikir

Muka 7



SMART Classroom memperkaya amalan pengajaran, pembelajaran

Muka 12



BERSAMA memerangi diabetes, cegah sebelum parah

Muka 21

Belia generasi pelakar masa depan, berdaya saing penuhi kehendak pasaran



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi Mohamad berucap pada Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan Belia (PPB) (Program Pembangunan Belia Sesi 2022 dan Sesi 2023) pada Selasa, 28 Oktober 2025 bertempat di Dewan Bina Diri, PPB.

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Anbiyaie Wal Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een Assalamualaikum
dan Salam Sejahtera.

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke
hadrat Allah Subhanahu Wata'ala
kerana dengan limpah rahmat dan

kurnia-Nya jua, dapatlah kita sama-sama
hadir di majlis yang penuh bermakna ini iaitu
Majlis Konvokesyen Pusat Pembangunan
Belia (PPB) Sesi 2022 dan Sesi 2023.

Terlebih dahulu, peramba / saya
merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan
syabas kepada semua bakal graduan di
atas kejayaan menamatkan Program
Pembangunan Belia yang diikuti. Kejayaan
ini membuktikan bahawa dengan usaha
gigih, semangat kental dan kesungguhan,
tidak ada yang mustahil untuk dicapai.
Penguasaan kemahiran baharu bukanlah
sesuatu yang mudah, namun para graduan
telah membuktikan keupayaan sebenar
sebagai aset berharga kepada keluarga,
masyarakat dan negara.

Peramba / saya ingin membawa para
graduan untuk sama-sama mengimbas
kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal
Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
semasa Majlis Hari Belia Kebangsaan Ke-20,
tahun ini yang ingin melihat 'belia bersifat
aktif dan berwawasan, bersedia menghadapi
cabaran masa depan, membina keupayaan
diri serta menyumbang secara berterusan
kepada pembangunan negara'.

Peramba / saya yakin bahawa dengan
kemahiran yang telah diperoleh, para
graduan kini memiliki keupayaan untuk
mencabar potensi diri dan melangkah
dengan berani menuju masa depan yang
lebih gemilang. Kejayaan yang dirai pada
hari ini wajar dijadikan sebagai permulaan
untuk meneroka peluang baharu serta
terus menyumbang secara aktif kepada
pembangunan negara yang inklusif dan
mampun.

Para belia hari ini perlu tampil berani
mengubah diri daripada sekadar menunggu
peluang kepada menjadi pencipta peluang.
Dengan kemahiran yang telah diasah dan
jati diri yang terbentuk, belia harus bersedia
meneroka bidang-bidang baharu, membina
jenama sendiri, serta mencipta ruang
pekerjaan yang bukan sahaja memberi
manfaat kepada diri sendiri, malah turut
memperkukuh ekonomi negara yang
mampun dan inklusif. Inilah masanya untuk
melangkah ke hadapan sebagai generasi
pelakar masa depan, yang berani mencipta
perubahan dan membina legasi.

Peramba / saya turut mengambil maklum
bahawa PPB telah melaksanakan pelbagai
usaha yang signifikan ke arah memperkasa
latihan kemahiran kepada belia dan komuniti
di negara ini.

Dalam tempoh satu tahun kebelakangan
ini sahaja, sebanyak 60 buah kursus telah
berjaya dilaksanakan melalui Program
Jangka Pendek dan Program Artisan Skills
dengan penyertaan lebih kurang 1,387
orang belia dan ahli komuniti. Usaha ini
jelas menunjukkan komitmen PPB dalam
melahirkan graduan yang *marketable*, sama
ada untuk memasuki pasaran pekerjaan,
mengendalikan perusahaan sendiri, atau
melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih
tinggi.

Peramba / saya turut berbangga dengan
pendekatan berterusan PPB ini dalam
memastikan latihan kemahiran yang
ditawarkan sama ada dalam Program
Pembangunan Belia mahupun Program
Jangka Pendek serta Program Artisan Skills
benar-benar berpaksikan kepada keperluan
pasaran semasa.

Usaha perlu diteruskan dan diperkukuh

melalui kerjasama strategik bersama pihak
industri bagi melahirkan graduan yang
holistik, berdaya saing dan memenuhi
kehendak pasaran dan dengan hala tuju ini,
peramba / saya yakin para graduan akan
mencapai kejayaan dan menyumbang
kepada matlamat Wawasan Brunei 2035.

Manakala dalam bidang keusahawanan
pula, PPB terus memainkan peranan
penting dalam memperkukuh ekosistem
keusahawanan di Negara Brunei
Darussalam. Di samping menyediakan
latihan kemahiran yang berpaksikan
keperluan pasaran, PPB juga aktif
melaksanakan pelbagai program dan
platform keusahawanan.

Alhamdulillah, hasil daripada usaha ini,
ramai pengusaha muda telah berjaya
membina perniagaan sendiri, termasuk salah
seorang daripadanya yang mencatatkan
jualan mencecah BND100,000 sejak
beliau memulakan operasi pada tahun
2019.

Pencapaian ini menjadi bukti nyata
keberkesanan pendekatan PPB dalam
melahirkan belia yang mampu menyumbang
secara aktif kepada pembangunan ekonomi
negara melalui keusahawanan.

Diharap pencapaian ini menjadi inspirasi
kepada para graduan untuk terus berusaha
dan berani menceburi bidang
keusahawanan, seterusnya berperanan
secara proaktif dalam merencanakan
pertumbuhan ekonomi negara.

>> Muka 6

WAKTU SEMBAHYANG										
NOVEMBER MASIH	HARI	JAMADILAWAL HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
12	RABU	21	4.37	4.47	6.07	6.30	12.05	3.27	6.02	7.14
13	KHAMIS	22	4.37	4.47	6.07	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
14	JUMAAT	23	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
15	SABTU	24	4.37	4.47	6.08	6.31	12.06	3.27	6.02	7.14
16	AHAD	25	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.14
17	ISNIN	26	4.37	4.47	6.08	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15
18	SELASA	27	4.37	4.47	6.09	6.32	12.06	3.28	6.02	7.15

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C	31 25 °C	31 25 °C	

Wallahuallah Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 12 NOVEMBER 2025

Biologi, evolusi penting sains perubatan moden

DALAM bidang respiratori, dermatologi, reumatologi dan gastroenterologi, rawatan berasaskan sains telah membawa kepada perubahan besar. Ia telah menukar keputusan menjadi harapan bagi pesakit yang tidak lagi mendapat manfaat daripada rawatan konvensional dan ia juga menenangkan sendi yang meradang, menyembuhkan kulit yang sakit, membolehkan pesakit asma bernafas dengan bebas dan memberi peluang baharu untuk hidup bagi mereka yang menghidap penyakit usus yang melemahkan.

Oleh sebab inilah, kita mesti mengiktiraf pencapaian sains yang amat penting ini. Kemajuan dalam terapi biologi merupakan satu evolusi penting dalam sains perubatan moden. Terapi biologik (*biologics*) menawarkan pilihan rawatan bagi penyakit yang kronik dan sukar dirawat dengan ubat-ubatan yang sudah sedia ada dengan potensi mengurangkan kesan sampingan serta memulihkan pesakit agar mereka dapat berfungsi seperti sedia kala dan menyumbang kepada bangsa dan negara.

Antara tonggak pertama dalam kemajuan terapi biologi ini ialah Pengurusan Berhemat (Prudent Stewardship) di mana terapi biologi bukanlah pil atau suntikan biasa, ia kompleks, mahal dan merupakan sumber terhad dalam sistem kesihatan kita.

Menetapkan ubat *biologics* tanpa pemilihan pesakit yang teliti, bukan sahaja membazir sumber berharga malah berpotensi menjejaskan pesakit dan ia mendedahkan mereka kepada risiko tanpa jaminan manfaat, membazir masa dan usaha serta akhirnya menghakis kepercayaan yang menjadi asas profesion mereka kerana kedibiliti mereka bergantung kepada kebijaksanaan dalam membuat pilihan.

Demikian antara yang disampaikan oleh Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif semasa menyampaikan teks ucapan daripada Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar semasa Persidangan Perubatan mengenai *biologics* baru-baru ini.

Dalam tonggak kedua, ujar Yang Berhormat ialah Penjagaan Holistik dan Kolaboratif (Holistic and Collaborative Care) di mana pesakit bukan sekadar himpunan simptom atau sasaran rawatan ubat kerana mereka ialah insan dengan kehidupan, ketakutan, harapan dan cabaran sendiri.

Tugas para pengamal perubatan melangkaui penulisan preskripsi, ia menuntut mereka melihat keseluruhan diri pesakit, dan ini bermaksud mengoptimalkan rawatan mereka iaitu memastikan rawatan yang tepat, pada masa yang sesuai untuk tempoh yang betul, memberi kuasa melalui pendidikan iaitu pesakit mesti diberi ilmu yang mencukupi agar mereka menjadi rakan kongsi bertanggungjawab dalam penjagaan kesihatan sendiri dan mengiktiraf hubungan minda dan tubuh iaitu penyakit kronik membawa beban mental yang berat dan perlu ditangani dengan empati dan sokongan psikologi.

"Semua ini tidak dapat dilakukan secara bersendirian. Ia memerlukan pendekatan pelbagai disiplin. Doktor membuat diagnosis, jururawat pakar memberikan pendidikan dan sokongan, ahli fisioterapi membantu memulihkan fungsi, ahli farmasi memastikan penggunaan selamat dan pakar kesihatan mental merawat luka yang tidak kelihatan.

"Hanya dengan bekerjasama di setiap peringkat, kita akan dapat membantu pesakit kembali kepada kehidupan yang aktif dan produktif," demikian ujar Yang Berhormat Menteri Kesihatan. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

NBD - Qatar terokai bidang meningkatkan kerjasama diplomatik



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Negeri, Kerajaan Qatar, Tuan Yang Terutama Soltan bin Saad Al-Muraikhi yang diadakan di Istana Nurul Iman (atas dan kanan).

>> Muka 1

Lawatan Tuan Yang Terutama ini bertujuan untuk meningkatkan lagi kerjasama serta meneroka bidang-bidang yang saling bermanfaat kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Qatar.

Hubungan diplomatik antara NBD dan Qatar mula terjalin pada 2 Oktober 1991, dengan kedua-dua buah negara mempunyai kerjasama baik dalam bidang perdagangan dan pertukaran rakyat.

Menyertai TYT pada Majlis

Mengadap yang berlangsung di Istana Nurul Iman berkenaan, Tuan Yang Terutama Abdullah Hamad Ali Al-Adham Al-Marri, bakal Duta Besar Istimewa dan Mutlak Qatar ke NBD.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap berkenaan, Menteri Hal

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerna Jaya Haji Mohd. Yusof; dan Timbalan Menteri (Urustadbir

Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.



MEMPERKUKUH KERJASAMA, BERKONGSI KEPAKARAN, MEMPERDALAMKAN PENGLIBATAN INDUSTRI

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II ketika menghadiri Defense and Security 2025 Exhibition yang diadakan di IMPACT Exhibition & Convention Centre, Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand (atas dan kiri).

BANGKOK, Isnin, 10 November. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yusoff telah menghadiri Defense and Security 2025 Exhibition, yang berlangsung dari 10 hingga 13 November 2025 bertempat di IMPACT Exhibition & Convention Centre, Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand.

Rombongan Kementerian Pertahanan ke pameran

berkenaan disertai oleh Pemerintah Tentera Darat Diraja Brunei (TDDDB), Brigadier Jeneral Aldi bin Haji Hassan; dan pegawai - pegawai dari Kementerian Pertahanan.

Pameran Pertahanan dan Keselamatan 2025, yang kini memasuki edisi ke-12, kekal sebagai salah satu platform pertahanan tiga angkatan dan keselamatan dalam terunggul di rantau ASEAN dan keselamatan dalam ASEAN.

Berteraskan tema 'The Power of

Partnership', acara berkenaan menghimpunkan pihak berkepentingan pertahanan dan keselamatan global, termasuk Menteri-menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Pertahanan, Pemerintah-pemerintah Angkatan Tentera, untuk mengukuhkan kerjasama, berkongsi kepakaran dan memperdalamkan penglibatan industri.

Dengan sokongan Kementerian Pertahanan Thailand dan Angkatan Bersenjata Diraja

Thailand, edisi 2025 berkenaan menghimpunkan sebanyak 617 syarikat pameran, 25 pavilion negara, dan 289 delegasi serta pembuat keputusan utama daripada 35 buah negara, sekali gus mengukuhkan kedudukannya sebagai platform utama untuk kerjasama industri dan dialog strategik.

Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II turut mengadakan pertemuan dua hala dengan Menteri Pertahanan Kerajaan Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral

Nattaphon Narkphanit, dan mengucapkan tahniah atas kejayaan menganjurkan Pameran Pertahanan dan Keselamatan 2025, serta membincangkan perkara-perkara strategik dan serantau yang berkepentingan bersama.

Kedua-dua menteri juga menzahirkan hubungan pertahanan yang terjalin erat antara Negara Brunei Darussalam dan Thailand serta menegaskan komitmen bersama untuk terus memperkukuh kerjasama pertahanan.

MEMAJUKAN CITA-CITA BERSAMA UNTUK ASEAN LEBIH KUAT, BERSATU



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BERAKAS, Selasa, 11 November. - Mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD), Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof menyampaikan ucapan tahniah kepada kerajaan dan rakyat Republik Demokratik Timor-Leste atas pengambilalihan tempat yang sewajarnya dalam Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN).

Pencapaian berkenaan menandakan tercapainya cita-cita ASEAN yang lama diidamkan untuk sebuah keluarga Asia

Tenggara yang bersatu dan inklusif, satu visi yang Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sering tekankan bahawa kekuatan terbesar ASEAN terletak pada perpaduan, sifat inklusif dan kerjasama.

Perkara berkenaan dijelaskan oleh Yang Berhormat semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Kemasukan

Rasmi Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Anggota Ke-11 ASEAN yang berlangsung baru-baru ini, di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, di sini.

Sebagai ahli terbaharu keluarga serantau kami, Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa Republik Demokratik Timor-Leste membawa tenaga dan perspektif baharu dalam usaha bersama kami untuk keamanan, kestabilan dan kemakmuran untuk wilayah kita.

"Dalam semangat ini, NBD berharap dapat bekerjasama rapat dengan Republik Demokratik Timor-Leste dan Negara-negara Anggota ASEAN yang lain untuk memajukan cita-cita bersama kami



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) hadir selaku tetamu kehormat Majlis Resepsi Makan Malam sempena Sambutan Kemasukan Rasmi Republik Demokratik Timor-Leste sebagai Negara Anggota Ke-11 ASEAN (atas dan kiri).

untuk ASEAN yang lebih kuat dan bersatu, dipandu oleh nilai-nilai umum kerjasama, saling menghormati, dan perpaduan," ujar Yang Berhormat lagi.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan NBD oleh kumpulan YIPPY Tune, Lagu Kebangsaan Republik Demokratik Timor-Leste oleh pelajar SMSH dan keluarga Kedutaan Republik Demokratik Timor-Leste, serta Lagu Kebangsaan ASEAN oleh kumpulan BMS.

Acara turut diisikan dengan Majlis Memotong Kek dan sesi bergambar ramai.

Ia juga diserikan dengan persembahan nyanyian secara langsung oleh para diplomat dari Negara-negara ASEAN yang membawakan lagu 'Our Land, Our

Home', diikuti dengan drama 'Boy and Crocodile' oleh pelajar ReLA dan nyanyian langsung lagu Republik Demokratik Timor-Leste, 'O Rai Timor Furak'.

Hiburan seterusnya merangkumi persembahan oleh Yippy Tune Choir, Tarian Tradisional NBD oleh kumpulan Gentara, Tarian Republik Indonesia oleh Cahaya Kasih Serantau, lima buah lagu oleh Brunei Music Society, dan sekali lagi Tarian Tradisional NBD oleh Gentara.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Republik Demokratik Timor-Leste ke NBD, Tuan Yang Terutama Abel Guterres; dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan.

Usaha memperkasa komuniti, memperkukuh kesejahteraan sosial



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Isnin, 10 November. - Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) hari ini menyerahkan sebuah rumah baharu yang telah dibina semula kepada sebuah keluarga di Tutong sebagai sebahagian daripada inisiatif 'Projek Teduh'.

'Projek Teduh' ini menunjukkan komitmen berterusan BIBD dalam usaha memperkasa komuniti serta memperkukuh kesejahteraan sosial.

Majlis penyerahan yang diadakan di Jalan Kampung Bukit Udal, Tanjong Maya di sini, telah

disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, selaku Pengerusi BIBD.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri secara rasmi telah menyerahkan rumah tersebut kepada penerima, Awang Muhammad Safwan Lutfi bin Abdullah Ahmad Asnul dan keluarganya.

Inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ini mencerminkan usaha berterusan BIBD untuk menyediakan penyelesaian lestari,

menguatkan ketahanan sosioekonomi, serta menyokong keutamaan nasional melalui kerjasama rentas sektor dan inovasi.

Projek yang bermula pada 23 Oktober 2025, telah disiapkan pada 8 November 2025, menunjukkan keberkesanan kolaborasi pelbagai agensi dalam melaksanakan hasil yang memberi impak kepada masyarakat.

Kejayaan pelaksanaan ini dapat dicapai melalui perkongsian strategik antara BIBD, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pembangunan, syarikat-syarikat terkemuka dan

perniagaan-perniagaan utama, yang bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan (*stakeholders*) yang berkongsi visi yang sama.

Usaha kolektif ini menggambarkan Whole of Nation Approach yang menegaskan komitmen teguh negara terhadap pembangunan inklusif dan peningkatan sosial yang mampan.

'Projek Teduh' dibiayai melalui gabungan strategik dan sinergi pelbagai sumber dana, mencerminkan komitmen bersama terhadap impak sosial.

Sebahagian besar pembiayaan disumbangkan oleh BIBD melalui zakat perniagaan, menonjolkan

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri selaku Pengerusi Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) semasa menyempurnakan penyerahan rumah tersebut kepada penerima, Awang Muhammad Safwan Lutfi bin Abdullah Ahmad Asnul dan keluarganya.

dedikasi BIBD terhadap pemberian yang berteraskan matlamat.

Sokongan tambahan turut datang daripada kakitangan BIBD, di samping sumbangan daripada syarikat dan perniagaan terkenal yang berkongsi nilai dan prinsip yang sama dengan BIBD.

Usaha kolektif ini menunjukkan komitmen teguh BIBD dan pihak-pihak berkepentingan dalam memperkasa masyarakat melalui program CSR berasaskan nilai yang selaras dengan matlamat pembangunan negara.

Penggerak sumber secara bersama ini bukan sahaja memperkukuh usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani cabaran sosial dan kebajikan, tetapi juga mencerminkan semangat Maqasid Shariah dan nilai 'Bruneian at Heart' yang mendalam, di mana rakyat penyayang dan syarikat bertanggungjawab bersatu untuk membantu golongan yang paling memerlukan dalam masyarakat.

MEMBENTUK PERBANDARAN, PENEMPATAN PENDUDUK MAMPAN, INKLUSIF, BERDAYA HUNI

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Terdahulu Yang Berhormat berkata, dengan tema 'Collaborating For Sustainable Growth', tahun ini, tepat dengan kemajuan semasa, di mana ia memberi penekanan kepada kepentingan untuk berkolaborasi dalam membentuk perbandaran dan penempatan penduduk yang mampan, inklusif dan berdaya huni.

Menurut Yang Berhormat, ini memerlukan satu bentuk kolaborasi rentas agensi yang kukuh dan sepadu bukan hanya di antara agensi kerajaan malahan dengan pihak swasta dan awam.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sejumlah lapan Garis Panduan Perancangan dilancarkan, dan lima garis panduan baharu dan tiga Garis Panduan Pindaan bagi memperkukuh ekosistem perancangan perbandaran

mampan negara.

Tambah Yang Berhormat, antaranya adalah Garis Panduan Pindaan bagi Pemecahan dan Penyatuan Tanah, yang mengandungi beberapa pindaan bagi penggunaan tanah optima melalui pindaan kepada beberapa parameter perancangan seperti keluasan minima bagi setiap plot pecah bahagi tanah.

Seterusnya kata Yang Berhormat, Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Bagi Kebenaran Perancangan, yang bertujuan untuk menjaga persekitaran kemajuan yang teratur dan selamat dengan memperincikan jenis-jenis kemajuan yang memerlukan Kebenaran Perancangan.

Manakala tambah Yang Berhormat, Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Pertanian, ia adalah hasil kolaborasi Jabatan Perancang Bandar dan Desa

dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan yang mengandungi beberapa piawaian perancangan guna tanah optimum bagi mendukung dasar keterjaminan makanan negara.

"Garis panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Sukan Rekreasi, yang mengandungi piawaian perancangan tertentu dalam memperkukuh ekosistem penempatan kemudahan sukan bagi mengalakkan gaya hidup sihat.

"Garis Panduan dan Piawaian Perancangan bagi Kemajuan Premis Penginapan Pelancong, adalah hasil kolaborasi dengan Jabatan Kemajuan Pelancongan yang mengenal pasti jenis-jenis premis penginapan pelancong mengikut lokasi yang ditetapkan, serta mengandungi parameter perancangan tertentu dalam mendukung perkembangan sektor pelancongan di negara ini.

"Garis Panduan Pindaan Bagi Kemajuan Industri, mengandungi beberapa pindaan bagi

menyelaraskan parameter perancangan tertentu dalam memperkukuh ekosistem perkembangan sektor industri secara sepadu," ujar Yang Berhormat.

Tambah Yang Berhormat lagi Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Suplementari Bagi Kegiatan Industri Bengkel dan Automobil, mengandungi parameter perancangan tertentu bagi mengawal kegiatan bengkel dan kegiatan sampingan lain dijalankan di tempat yang bersesuaian, teratur dan selamat, dan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Suplementari Bagi Kemajuan Gudang, Penyimpanan Barang dan Kenderaan, memperincikan lokasi yang dibenarkan serta mengandungi parameter perancangan tertentu bagi mengawal kegiatan berkenaan secara teratur dan selamat.

"Adalah menjadi harapan kita bersama agar setiap usaha perancangan seperti ini akan dapat membentuk persekitaran



YANG Berhormat Menteri Pembangunan ketika berucap.

perbandaran yang lestari, tersusun dan berdaya saing.

"Dalam merealisasikan harapan ini, peranan buku-buku garis panduan yang dilancarkan pada hari ini amatlah penting sebagai panduan dan rujukan pihak berkepentingan khususnya pihak awam serta para professional dan pemaju yang terlibat dalam industri pembinaan," ujar Yang Berhormat lagi.

Kepentingan usaha sama menjana pertumbuhan mampan, berdaya tahan



YANG Berhormat Menteri Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 peringkat kebangsaan bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan (kiri dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. – Jabatan Perancang Bandar dan Desa mengadakan Majlis Pelancaran Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2025 peringkat kebangsaan bertempat di Dewan Betabur, Kementerian Pembangunan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Dengan tema 'Collaborating for Sustainable Growth', pengisian sambutan pada tahun ini adalah memfokuskan kepada kepentingan usaha sama dalam menjana

pertumbuhan mampan dan berdaya tahan, di mana peranan perancangan guna tanah dan pengurusan kemajuan fizikal yang menyeluruh adalah selaku platform penghubung bagi usaha sama berkenaan.

Sempena sambutan tahun ini, sebanyak lapan buah buku Garis Panduan dan Piawaian Perancangan serta satu sistem dalam talian bagi mengemukakan Aduan Perancangan Orang Ramai telah dilancarkan pada majlis pagi tadi.

Buku-buku garis panduan berkenaan diharapkan akan menjadi panduan dan rujukan pihak-pihak berkepentingan

khususnya para profesional dan pemaju yang terlibat dalam industri pembinaan.

Beberapa aktiviti juga telah pun tersusun sedia yang akan berlangsung selama lima hari mulai 10 sehingga 15 November 2025 bertempat di Dewan Betabur dan Ruang Legar Tingkat 1, Kementerian Pembangunan.

Antaranya, siri taklimat dan dialog mengenai Pelan Strategik Jabatan Perancang, Bandar dan Desa 2025-2030, Garis Panduan dan Piawaian Perancangan, Urban Connectivity Profiling Findings dan Pelan Perancangan Guna Tanah khusus untuk para profesional dalam

industri pembinaan; sudut pameran yang menunjukkan beberapa perancangan jabatan serta sudut pertanyaan 'Ask Us Corner' bagi profesional, para penuntut dan orang ramai.

Di samping itu, pada sambutan kali ini juga, satu Klinik Kemajuan akan dibuka kepada orang ramai pada 13 dan 15 November 2025. Klinik berkenaan berfungsi sebagai platform bagi orang ramai untuk mengemukakan sebarang pertanyaan berkaitan proses permohonan yang melibatkan aspek kemajuan.

Turut hadir pada majlis pelancaran berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian

Pembangunan; dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan; serta pihak-pihak berkepentingan daripada agensi yang berkenaan.

Bagi menyemarakkan sambutan pada tahun ini, penyalaan lampu pelbagai warna di Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin bermula pada malam 8 November sehingga 16 November 2025 sebagai simbolik meraikan acara berkenaan dan melambangkan kepentingan pembangunan secara bersepadu.

Warna lampu hijau, merah, kuning, biru dan ungu dipilih berdasarkan kod warna bagi zon perancangan.

MENTAKRIF PERANAN PENDIDIKAN TINGGI DALAM MEMBENTUK MASA DEPAN



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

>> Muka 1

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Penolong Naib Canselor Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan (IEED), Dr. Haji Masairol bin Haji Masri, selaku Pengerusi Jawatankuasa IHEEIC 2025.

Dr. Haji Masairol dalam ucapannya antara lain menekankan transformasi rantau ini, yang mana di seluruh Asia Tenggara, landskap inovasi sedang

berubah dengan pesat.

Jelasnya, ekonomi digital rantau ini telah berkembang daripada USD12 bilion pada 2016 kepada lebih USD100 bilion pada 2023, iaitu peningkatan lapan kali ganda dalam tempoh sedekad.

Lebih 70 juta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) jelasnya, menggaji kira-kira 85 peratus tenaga kerja ASEAN, disokong oleh salah satu populasi termuda dan usahawan paling berdaya di dunia dengan lebih 700 juta orang, hampir separuh daripadanya berumur di bawah 30 tahun.

Beliau menegaskan bahawa

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Perasmian IHEEIC 2025.

universiti perlu memperluas misi mereka melebihi pendidikan tradisional.

Menurutnya lagi, mereka mesti menjadi pemudah cara utama dalam inovasi, pemindahan teknologi, dan pengkomersialan penyelidikan yang membawa kesan nyata dan berkekalan. Inovasi berkembang apabila pendidikan dan perusahaan digabungkan secara harmoni.

Tegasnya lagi, sidang kemuncak berkenaan lebih daripada sekadar persidangan, ia adalah komitmen bersama untuk mentakrif semula peranan pendidikan tinggi dalam membentuk masa depan kita.

Majlis kemudian diteruskan dengan perasmian IHEEIC 2025 yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Setelah itu, majlis disusuli dengan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara UBD yang diwakili oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle bersama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Development Programme - UNDP) yang diwakili oleh Wakil

Tetap UNDP bagi Malaysia, Republik Singapura dan Negara Brunei Darussalam (NBD), Edward Vrki; Really Corporation Co., Ltd. (SEA Bridge) yang diwakili oleh Pengasas SEA Bridge, Kasper-Tanakrit Sermuksan; dan Global Institute For Tomorrow (GIFT) South East Asia Sdn. Bhd. yang diwakili oleh Pengarah Urusan GIFT, Pial Khadilla.

Ketiga-tiga MoU berkenaan mempunyai tempoh awal selama lima tahun dengan peruntukan untuk dilanjutkan, yang mencerminkan komitmen jangka panjang semua pihak dalam membina perkongsian yang mampan dan berimpak tinggi.

IHEEIC 2025 dianjurkan oleh Pejabat Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Keusahawanan) (Industry Engagement and Enterprise Development - IEED) dengan sokongan Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Kelestarian) (Research, Innovation and Sustainability - RIS).

Turut menyokong acara berkenaan ialah Kementerian Pendidikan, UNDP dan Rangkaian Universiti ASEAN untuk Inovasi dan Keusahawanan Universiti (ASEAN University Network for University Innovation and Enterprise - AUN-UIE).

Sidang kemuncak dua hari berkenaan merupakan satu pencapaian penting dalam inovasi pendidikan tinggi di NBD dan rantau Asia Tenggara, dengan

menghimpunkan pemimpin daripada kalangan akademik, industri, kerajaan dan ekosistem keusahawanan untuk memajukan pembangunan berasaskan inovasi melalui pendidikan tinggi.

Dengan tema 'Higher Education at the Crossroads : Empowering the Triple Engine of Entrepreneurship, Innovation & Commercialisation', program berkenaan merangkumi dua ucapatama; empat sesi panel; satu sesi meja bulat untuk pemimpin pendidikan tinggi yang turut menggubal rangka kerja 'Inisiatif, Inovasi dan Keusahawanan Brunei'; sesi Mentor Hot Seat; UNDP Public Youth Dialogue; Venture Pitch Award serta Innovation Festival.

Sidang kemuncak berkenaan menarik penyertaan 403 peserta dari tujuh buah negara, iaitu NBD, Malaysia, Republik Singapura, Thailand, Republik Filipina, Republik Indonesia dan Republik India.

Innovation Festival menerima sebanyak 81 penyertaan projek merangkumi empat kategori yang menyasarkan semua Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (SDGs).

UBD kekal komited untuk memperkukuh kerjasama dan momentum yang dihasilkan daripada sidang kemuncak sulung berkenaan bagi memajukan kolaborasi serantau dalam inovasi pendidikan tinggi dan keusahawanan.

50 sertai Program Bimbingan Umrah untuk Muallaf

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Ihsan Pusat Da'wah Islamiah

TUTONG, Selasa, 11 November. - Bagi memberikan pendedahan, kefahaman serta keyakinan dalam mempersiapkan diri untuk menunaikan ibadah umrah dengan sempurna, selaras dengan tuntutan syarak dan kemampuan peserta, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Cawangan Da'wah Daerah Tutong telah menganjurkan Program Bimbingan Umrah untuk Muallaf bertemakan 'Rehlah Baitullah : Ilmu Sebelum Amal'.

Program yang juga bertujuan bagi terus menyemarakkan lagi syiar Islam di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini merupakan

salah satu projek ilmiah yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Seramai 50 peserta yang terdiri daripada para muallaf dan *non-muslim* dari Daerah Tutong telah menyertai program ini. Program dibahagikan kepada dua sesi, iaitu sesi pagi merangkumi pengenalan ibadah umrah, rukun dan syarat umrah. Manakala sesi petang menampilkan simulasi lengkap umrah yang melibatkan pemakaian ihram, niat, tawaf, sa'ie dan tahalul.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Daerah Tutong,

PARA peserta semasa menyertai Program Bimbingan Umrah untuk Muallaf bertemakan 'Rehlah Baitullah : Ilmu Sebelum Amal' (kanan dan bawah kanan).

Yang Arif Awang Haji Muhammad Bahrin bin Haji Alias. Turut hadir, Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; Pemangku Pegawai Ugama Kanan PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong; Penolong Ketua Pegawai Ugama Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Tutong, Awang Hamdani bin Othman; Penghulu Mukim Pekan Tutong, Daerah Tutong, Awang Haji Salim bin Haji Othman serta para pegawai dan kakitangan dari PDI dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Dayang Zikrinaidah binti Haji Mat Dikir, selaku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Tutong. Majlis diteruskan dengan sesi simulasi lengkap umrah yang turut disertai oleh tetamu kehormat. Di akhir program, Doa Penutup dibacakan bagi memohon keberkatan.

Program ini dihasratkan menjadi titik tolak kepada para peserta untuk lebih mendalami ilmu agama, memperkukuh keimanan dan seterusnya melaksanakan ibadah umrah dengan penuh yakin dan sempurna. Semoga segala usaha yang dilaksanakan ini diberkati dan diterima sebagai amal jariah yang berpanjangan.



HALUAN

>> Muka 2

Sebelum mengakhiri, peramba / saya berpandangan bahawa dalam apa jua yang dilakukan dan kejayaan yang diraih, para graduan perlu kekal rendah hati serta tidak melupakan jasa ibu bapa dan pengalaman generasi terdahulu. Menghormati mereka bukan sahaja mencerminkan nilai murni, malah menjadi doa yang akan sentiasa mengiringi kejayaan para graduan di masa hadapan.

Kepada para ibu bapa dan penjaga, terima kasih di atas pengorbanan, doa dan sokongan yang amat tinggi nilainya kepada anak-anak *biskita*. Doronglah dan dukunglah mereka secara berterusan sehingga menjadi insan yang berkemahiran tinggi, cemerlang dan berguna kepada masyarakat dan negara.

Akhirnya, semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa memberkati para graduan dan mengurniakan balasan yang setimpal dengan usaha dan pengorbanan *biskita*.

Sekian. *Wabillahi Taufiq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MENGHIASI KEHIDUPAN SEHARIAN DENGAN ZIKIR

■ Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Selasa, 11 November. - Ungkapan 'Negara Zikir' membawa makna dan falsafah yang amat mendalam kerana ia berhubung dengan sesuatu yang agung, iaitu zat suci Allah Subhanahu Wata'ala.

Ia menggambarkan sebuah negara yang sentiasa mengingati Allah, menyebut-nyebut nama-Nya serta tidak pernah berenggang daripada-Nya, sama ada dalam kesenangan mahupun kesusahan.

Perkara berkenaan disampaikan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Dato Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, dalam Ceramah Perdana Negara Zikir Melayu Islam Beraja bertajuk 'Mengisi Negara Zikir' yang berlangsung pagi tadi di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Menurut Yang Berhormat Mufti Kerajaan, Negara Zikir bermaksud sebuah negara yang harapan, cita-cita, wawasan dan

semangatnya hanya tertumpu untuk meraih keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Negara yang berzikir ialah negara yang apabila senang, ia bersyukur kepada Allah, dan apabila susah, ia memohon pertolongan daripada Allah.

Yang Berhormat turut menjelaskan bahawa ungkapan berkenaan unik dan penuh hikmah kerana ia menghubungkan dua unsur, iaitu negara dan zikir. Negara membawa erti sebuah ketempatan dengan segala sumber dan penghuninya, manakala zikir bermaksud menyebut dan mengingati Allah. Apabila kedua-dua istilah berkenaan disatukan, ia membentuk satu gagasan yang luhur, di mana setiap aspek kehidupan negara berlandaskan nilai ketuhanan.

Apabila konsep Negara Zikir benar-benar dihayati tegas Yang Berhormat, maka setiap sistem dan urusan dalam negara sama ada ekonomi, pentadbiran, pendidikan, perundangan, adat istiadat mahupun pertahanan hendaklah

dilaksanakan dengan roh zikir. Malah, bumi, langit, air dan udara negara ini juga seharusnya dipenuhi dengan zikir kepada Allah.

"Jika kita berzikir, mengingati Allah dalam setiap keadaan, maka kita tidak akan melakukan perkara yang dibenci oleh Allah seperti meminum arak, memakan yang haram, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa, berbohong, mencuri atau membuat fitnah. Zikir menjadi benteng diri daripada kemungkaran," jelas Yang Berhormat Pehin.

Yang Berhormat Pehin turut menyeru agar bersama-sama memberi makna kepada gelaran Negara Zikir dengan menghiasi kehidupan seharian dengan zikir.

"Kita isi, hiasi, tanami, pelihara, tatang, bangunkan, majukan, lindungi dan bela negara ini dengan zikir. InsyaaAllah, dengan cara ini, negara akan benar-benar menjadi Negara Zikir seperti yang dijanjikan oleh Al-Quran, 'Baldatun Tayyibatun wa Rabbun Ghafur', iaitu negeri yang baik lagi mendapat keampunan daripada



YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa menyampaikan Ceramah Perdana Negara Zikir Melayu Islam Beraja bertajuk 'Mengisi Negara Zikir'.

Tuhan Yang Maha Pengampun," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat Pehin seterusnya menambah, orang yang beriman dan bertakwa ialah ahli zikir yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap keadaan, ketika bekerja, bertugas, berniaga, mentadbir, mendidik dan memimpin.

Jika setiap lapisan masyarakat

mengamalkan zikir dalam urusan seharian, kata Yang Berhormat, keberkatan akan tumbuh dan pintu rahmat dari langit serta bumi akan terbuka luas.

"Orang yang bertugas sambil mengingati Allah tidak akan menyeleweng, kerana zikir itu menjadi pagar baginya daripada melakukan kemungkaran," ujar Yang Berhormat lagi.

Memperkasa keimanan, pembudayaan amalan zikir

YANG Berhormat Mufti Kerajaan semasa hadir pada Ceramah Perdana Perdana Negara Zikir Melayu Islam Beraja (MIB) yang diadakan di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Pusat Ilmu Teras, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), bersama Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Kementerian Pendidikan; dan Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (UBD) pagi tadi menganjurkan Ceramah Perdana Negara Zikir Melayu Islam Beraja (MIB).

Antara lain majlis berkenaan bertujuan untuk memperkasa keimanan dan pembudayaan amalan zikir sebagai teras kehidupan, beragama selari dengan aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah 'Negara Zikir'.

Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji

Abdul Rani dalam ucapan alu-aluan, menyatakan Ceramah Perdana yang dianjurkan bukan sekadar satu wadah ilmiah, bahkan ia merupakan manifestasi komitmen bersama antara institusi yang terlibat dalam memperkukuh kefahaman serta penghayatan terhadap falsafah NBD, iaitu MIB.

Jelasnya, penganjuran bersama berkenaan mencerminkan sinergi erat antara institusi-institusi ilmu dan agama dalam usaha memperkasa jati diri bangsa serta mengukuhkan nilai-nilai kebruneian yang berteraskan ajaran Islam yang tulen.

Profesor Madya Dr. Abdul Nasir seterusnya berkata selain menjadi platform penyebaran ilmu dan kefahaman agama, ceramah berkenaan juga merupakan inisiatif dalam menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-20, Tahun 2025, yang menyeru para belia untuk memperkukuh jati diri melalui ilmu agama serta penghayatan nilai-nilai MIB.

Majlis pada hari ini ujarnya, turut membawa signifikan besar kepada generasi muda, yang bakal menjadi pelapis kepimpinan negara pada masa hadapan.

Melalui program sebegini tambahnya, para belia diharap dapat memperkukuh kefahaman mereka terhadap prinsip MIB serta menanamkan semangat cintakan agama, bangsa dan negara.

Selain itu, beliau juga menjelaskan inisiatif berkenaan juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk membentuk masyarakat berilmu, berakhlak dan berdaya saing, yang berpaksikan kepada undang-undang Islam demi mencapai keredaan Allah

Subhanahu Wata'ala.

Ceramah Perdana berkenaan juga menjadi wadah dan platform untuk memperkukuh kefahaman konsep MIB dalam mendepani arus perubahan globalisasi yang semakin mencengkam dewasa ini.

Penganjuran Ceramah Perdana berkenaan juga secara tidak langsung diharap dapat terus menyemai dan memperkukuh ilmu agama dan nilai-nilai MIB dalam sanubari setiap lapisan masyarakat terutamanya generasi muda, sekali gus memastikan kelangsungan identiti negara yang unik, berdaulat dan bermartabat untuk generasi masa depan.

Turut hadir, Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; dan Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.



SEBAHAGIAN yang hadir mendengarkan ceramah berkenaan.

MENGUKUHKAN PENDOKUMENTASIAN NARATIF, PEMBANGUNAN SEJARAH NBD

Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) semasa melawat pameran berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah melakar detik berharga apabila menghadiahkan koleksi gambar berkisar kempen ketenteraan Bersekutu '1945 Operation Oboe Allied' kepada Arkib NBD dengan Majlis Penyerahan Koleksi Gambar berkenaan diadakan di Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan, pagi tadi, di sini.

Tahun 2025 merupakan satu peristiwa penting dalam hubungan Australia dan NBD sekali gus menandakan ulang tahun 'Operation Oboe' Ke-80. Kempen ketenteraan bersekutu (*allied*) memainkan peranan penting dalam pembebasan Borneo dan meletakkan asas bagi hubungan moden yang erat antara kedua-dua buah negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Timbalan Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dr. Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah.

Pada majlis berkenaan, Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Michael Neil Hoy menyempurnakan

penyerahan koleksi gambar secara rasmi kepada Pemangku Pengarah Muzium-Muzium, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus dengan disaksikan oleh tetamu kehormat majlis.

Tuan Yang Terutama semasa menyampaikan ucapan pada majlis berkenaan antaranya menekankan bahawa koleksi gambar berkenaan merakamkan detik penting dalam sejarah perkongsian Australia dan NBD.

Jelas TYT, foto-foto saksi mata berkenaan memberi gambaran segera tentang kesan mendalam peperangan dan 'Operation Oboe' ke atas penduduk tempatan dan askar Australia.

Melalui pemberian berkenaan ujar TYT lagi, Australia berbesar hati untuk menyumbang kepada pemeliharaan dan pemahaman sejarah NBD.

Pada sebelumnya, koleksi gambar berkenaan telah dipamerkan semasa berlangsungnya pameran 'Saksi Sejarah - 80 Years On : Remembering Operation Oboe in Brunei's History' pada Jun 2025 lalu anjuran Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD.

Oleh yang demikian, sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memelihara dan mengukuhkan pendokumentasian naratif dan pembangunan sejarah NBD, pemberian koleksi gambar berkenaan menandakan sumbangan bermakna kepada Arkib NBD.



ANTARA koleksi gambar berkisar kempen ketenteraan '1945 Operation Oboe Allied' pada pameran berkenaan.

Ini sekali gus bertujuan dapat memperkayakan pegangan arkib negara dan warisan dokumentari, di samping menyokong penyelidikan, pendidikan dan memupuk kesedaran sejarah untuk generasi akan datang.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



KEMENTERIAN KESEHATAN
MINISTRY OF HEALTH

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Lawatan memperkukuh penguasaan bahasa Melayu



ANTARA pelajar yang menyertai lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

TEMBURONG, Selasa, 11 November. - Seramai 88 pelajar serta 14 guru dan pegawai dari Kementerian Pendidikan Republik Singapura mengadakan lawatan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong bagi pelaksanaan Program Penyerapan Bahasa Melayu (Malay Language Immersion Program - MLIP) Pelajar Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD), hari ini.

Ketibaan rombongan ke Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong, di sini, dialu-alukan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan Sekolah-Sekolah (JSS), Dayang

Hajah Suriani binti Haji Noor Hashim serta pegawai-pegawai dari JSS, pengetua dan guru-guru sekolah berkenaan.

Program lawatan ini adalah merupakan susulan daripada Mesyuarat Kumpulan Kerja Ke-14 (14th Joint Working Group Meeting) di antara Kementerian Pendidikan NBD dan Kementerian Pendidikan Republik Singapura yang telah diadakan di NBD pada tahun 2024.

Di antara objektif program lawatan ini diadakan ialah untuk memperkukuh penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Singapura, memupuk pemahaman budaya setempat,

serta mengukuhkan hubungan dua hala dalam bidang pendidikan.

Selain itu, ia juga diadakan untuk meningkatkan penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Singapura dan pelajar NBD melalui pengalaman pembelajaran secara langsung dan autentik.

Seterusnya, memperkukuhkan pemahaman budaya dan nilai-nilai serumpun melalui interaksi dengan komuniti tempatan dan dalam masa yang sama, mengukuhkan hubungan strategik dan kerjasama pendidikan antara NBD dan Republik Singapura. Objektif lawatan juga untuk memberikan pendedahan kepada sekolah-sekolah terlibat dalam melaksanakan program pertukaran pelajar bertaraf antarabangsa.

Rombongan ini akan berada di NBD dari 10 November hingga 14 November 2025 dan lawatan tersebut diisikan dengan pelbagai aktiviti yang dirancang oleh pihak sekolah termasuk mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di bilik-bilik darjah yang telah disusun atur awal, bengkel sastera yang dikendalikan oleh dua orang pensyarah dari Universiti Brunei Darussalam, aktiviti dan pameran bahasa Melayu serta persembahan kebudayaan daripada pihak sekolah dan rombongan pelawat.

Program MLIP 2025 ini diharap akan dapat memberikan impak yang signifikan dalam memartabatkan bahasa Melayu, memperkukuh hubungan serantau



SEKITAR lawatan tersebut bagi pelaksanaan Program Penyerapan Bahasa Melayu (Malay Language Immersion Program - MLIP) Pelajar Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam (NBD) (atas dan bawah).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

dan menonjolkan peranan dan komitmen NBD sebagai rakan strategik dalam bidang pendidikan dan kebudayaan.



MEMPERKUKUH USAHA BMR, SPRM DALAM MENANGANI CABARAN RASUAH

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Mencegah Rasuah

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Mesyuarat Kerjasama Dua Hala antara Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kali Ke-16 telah diadakan di Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah, hari ini.

Mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan antara kedua-dua agensi yang telah terjalin selama lebih dua dekad dalam memperkukuh sinergi dan jaringan strategik bagi mempertingkatkan keberkesanan usaha pencegahan dan pambanteras rasuah secara menyeluruh.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan bersama oleh Pengarah BMR, Datin Paduka Hajah Anifa Rafiza binti Haji Abdul Ghani dan Ketua Pesuruhjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Haji Azam bin Baki.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Dato' Sri Ahmad Khusairi Yahaya, Pengarah-pengarah SPRM dari Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan serta pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua agensi.

Perbincangan mesyuarat menumpukan kepada pelbagai aspek penting dalam bidang siasatan dan pencegahan rasuah, termasuk perkongsian amalan terbaik dalam pelaksanaan operasi serta strategi memperkukuh integriti sektor awam dan swasta.

Dalam sesi perkongsian semasa mesyuarat tersebut, BMR telah berkongsi kejayaan beberapa kes melibatkan kesalahan salah laku dalam Perkhidmatan Awam di bawah Akta Pencegahan Rasuah, Penggal 131.

Selain itu, BMR turut mengongsikan inisiatif pencegahan rasuah melalui kerjasama antara agensi-agensi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang bahaya rasuah seperti Kerjasama BMR bersama dengan School of Computing and Informatics, Universiti Teknologi Brunei (UTB) yang telah memenangi 'Bronze Award' dalam pertandingan berprestij yang dianjurkan oleh United Nations Office on Drugs and Crime (UNODC), Independent Commission Against Corruption (ICAC) Hong Kong, China dan International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) iaitu - Coding4Integrity:



SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Kerjasama Dua Hala antara Biro Mencegah Rasuah (BMR) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kali Ke-16.

Asian Youth Anti-Corruption Hackathon, yang berlangsung di Hong Kong, Republik Rakyat China pada 19 September 2025.

Sementara itu, SPRM turut mengongsikan pengalaman dan pendekatan dalam pelaksanaan program pencegahan dan siasatan, termasuk inisiatif memperkukuh integriti organisasi

serta strategi pendidikan anti rasuah di Malaysia.

Mesyuarat juga membincangkan aspek latihan dan pembangunan kapasiti pegawai, bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan dalam melaksanakan tugas berkaitan pencegahan dan pambanteras rasuah.

Kerjasama erat ini diharapkan akan terus memperkukuh usaha bersama kedua-dua agensi dalam menangani cabaran rasuah yang semakin kompleks dan bersifat rentas sempadan, sejajar dengan visi dan misi bersama dalam memastikan tadbir urus yang bersih, telus dan berintegriti tinggi.

Sub-indeks keadaan perniagaan BSI dicatat pada tahap 49.9

Siaran Akhbar dan Infografik : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi September 2025.

Indeks berkenaan adalah berdasarkan kaji selidik ke atas kira-kira 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar daripada 11 sektor ekonomi, di semua daerah di NBD.

BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di NBD dalam pelbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan.

Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks berkenaan boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

Indeks utama BSI, iaitu sub-indeks keadaan perniagaan, dicatat pada tahap 49.9 pada September 2025, menunjukkan keadaan perniagaan yang sedikit pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan yang hampir sama seperti bulan sebelumnya, menandakan tahap perniagaan yang stabil. Sentimen pesimistik berkenaan sebahagian besarnya berpunca daripada permintaan pelanggan yang lemah, dengan kebanyakan perniagaan melaporkan keadaan pasaran yang lebih perlahan dengan tahap penjualan yang rendah.

Sebahagian lagi melaporkan penurunan aktiviti perniagaan disebabkan ketiadaan projek baharu selepas penyelesaian projek yang sedia ada. Namun begitu, terdapat juga beberapa faktor yang menyumbang kepada sentimen optimistik, termasuk faktor bermusim seperti berakhirnya tempoh cuti persekolahan dan permulaan musim peperiksaan, dengan tahap perbelanjaan dalam negeri dijangka akan meningkat, serta jangkaan peningkatan dalam jumlah pelanggan yang mengunjungi kedai-kedai, projek yang masih berlangsung, serta penambahbaikan operasi.

Promosi jualan, pelancaran produk baharu, dan kempen media sosial juga antara faktor positif yang dikongsikan oleh sesetengah


perniagaan. Indeks bagi satu bulan (1M) ke hadapan juga kekal pada tahap 49.9 mencerminkan bahawa, secara keseluruhan, kebanyakan perniagaan masih kekal sedikit pesimistik terhadap prospek keadaan perniagaan bagi Oktober. Sentimen berkenaan berpunca daripada jangkaan perbelanjaan pengguna yang unjuran yang semakin menurun disebabkan penamatan kontrak yang tidak akan diperbaharui.

Sub-indeks pelaburan dicatat pada tahap 50.4 bagi September 2025, 50.5 bagi indeks satu bulan ke hadapan, dan 50.6 bagi tiga bulan ke hadapan, menunjukkan jangkaan peningkatan aktiviti pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Sebahagian besar perniagaan melaporkan rancangan untuk meningkatkan tahap pelaburan dalam beberapa bulan akan datang, khususnya bagi persiapan projek hujung tahun dan musim perayaan, serta penambahbaikan infrastruktur.

Antara faktor utama yang mendorong peningkatan pelaburan termasuk aktiviti pengembangan perniagaan, pembelian mesin dan peralatan, penambahan semula inventori bagi memenuhi permintaan bermusim, dan kerja-kerja pengubahsuaian.

Manakala sub-indeks pengambilan pekerja adalah 49.9 bagi September 2025 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara keseluruhan, tahap pekerjaan bagi September 2025 kekal stabil. Penurunan sentimen sebahagian besarnya berpunca daripada penamatan kontrak yang tidak diperbaharui, penyelesaian projek jangka pendek, dan langkah-langkah penjimatan kos mengambil kira prestasi perniagaan yang lebih perlahan.

Jangkaan bagi Oktober kekal sederhana, dengan penurunan dijangka berpunca daripada persaraan dan penamatan perkhidmatan, di samping



pendekatan lebih berhati-hati dalam kalangan perniagaan, yang mencerminkan pengurusan berhemat dalam operasi dan perancangan belanjawan di tengah persekitaran permintaan yang tidak menentu.


Sementara sub-indeks kos perniagaan dicatat pada tahap 50.1 bagi September 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan, menunjukkan sedikit peningkatan kos pada September 2025 dengan jangkaan peningkatan selanjutnya pada bulan berikutnya. Beberapa perniagaan menyatakan penyesuaian kadar gaji, pengambilan pekerja baharu, dan bayaran lebih masa (overtime) sebagai faktor utama kepada peningkatan kos.

Perniagaan dalam sektor pembuatan dan pembinaan turut

melaporkan peningkatan aktiviti dengan lebih banyak perbelanjaan untuk bahan-bahan, manakala sebahagian perniagaan mengaitkan kenaikan kos dengan perbelanjaan penyelenggaraan dan premium insurans. Bagi bulan seterusnya, para perniagaan menjangka tekanan kos akan berterusan, didorong oleh faktor-faktor yang serupa dengan September.

Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman sesawang BDCB di www.bdc.gov.bn.

Orang ramai juga boleh melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.bruni.



Adakah Dikeluarkan Zakat daripada Emas Putih?

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

PADA masa kini, pemakaian emas putih (*white gold*) sebagai perhiasan diri sudah tidak asing dalam kalangan para penggemar barang kemas. Aksesori emas putih sering menjadi pilihan untuk dijadikan koleksi peribadi mahupun hadiah. Sesetengah orang pula menjadikan emas putih sebagai harta simpanan. Dalam perkara ini timbul persoalan adakah emas putih termasuk dalam kategori harta yang wajib dikeluarkan zakat sebagaimana emas kuning?

Kewajipan Mengeluarkan Zakat Emas

Mengeluarkan zakat adalah wajib ke atas setiap orang Islam yang memenuhi syarat-syarat wajib mengeluarkannya. Orang yang mengingkari ketetapan hukum wajib zakat itu boleh menyebabkannya terkeluar daripada ugama Islam.

Salah satu harta yang wajib dikeluarkan zakat apabila memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan ialah emas (*an-naqd*). *An-naqd* ialah emas atau perak yang masih dalam bentuk bijih, atau dalam bentuk jongkong, atau dalam bentuk mata wang yang ditimpa untuk digunakan seperti dinar dan dirham.

Orang yang tidak mengeluarkan zakat daripada emas dan perak yang dimilikinya nescaya dia menerima akibat azab yang pedih sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Ta'ala:

Tafsirnya: Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak (yang tidak dikeluarkan zakatnya) dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka gembirakanlah mereka dengan azab yang pedih.

(Surah at-Taubah : 34)

Diwajibkan mengeluarkan zakat emas (*an-naqd*) apabila telah mencapai *nishab* dan *haul*. *Nishab* ialah had yang ditetapkan oleh syara' untuk ketentuan hukum ke atasnya. *Haul* pula bermaksud hendaklah pemilikan harta itu di tangan seseorang setelah melalui tempoh setahun mengikut kiraan *qamariyyah* bermula dari waktu mencapai *nishab*. *Nishab* bagi emas tulen ialah 20 *mitsqal* (85 gram) dan dikeluarkan 1/40 (2.5%) daripada emas tersebut.

Dalam satu riwayat daripada Sayyidina 'Ali Karramallahu Wajhah, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: Apabila engkau memiliki dua ratus dirham (perak), dan ia telah sampai haul, maka (wajib zakat) padanya lima dirham, dan tidak dikenakan (zakat) ke atasmu iaitu pada emas sehingga engkau mempunyai dua puluh dinar. Maka apabila engkau memiliki dua puluh dinar dan ia telah sampai haul, maka (wajib zakat)

padanya setengah dinar. Maka apa yang bertambah (daripada jumlah tersebut) adalah dikira mengikut tambahan itu.

(Hadits riwayat Abu Daud)

Adapun emas yang dijadikan barang kemas yang harus dipakai seperti cincin dan rantai emas, tidak diwajibkan zakat daripada barang kemas tersebut selagi ia tidak berlebihan iaitu kadar yang boleh dianggap membazir atau boros. Jika pemakaiannya itu berlebihan, maka wajib dikeluarkan zakat bagi keseluruhan emas tersebut dan bukan hanya pada bahagian yang berlebihan. Kadar berlebihan yang dianggap membazir atau boros itu ialah apabila mencapai 200 *mitsqal* bersamaan 850 gram.

Zakat Emas Putih

Emas putih ialah sejenis logam yang terhasil setelah emas tulen dicampur dengan logam berwarna putih seperti nikel, paladium dan sebagainya. Sebagaimana dengan emas yang berwarna kuning, emas putih juga mempunyai nisbah karat tertentu. Nisbah karat pada dasarnya menunjukkan sesuatu benda itu telah diperbuat daripada emas atau mengandungi emas dengan kadar tertentu. Sebagai contoh, benda yang mempunyai nisbah 24 karat bererti ia adalah semata-mata emas tulen. 20 karat bererti ia terdiri daripada 20 bahagian emas tulen dan 4 bahagian logam-logam lain.

Pada kebiasaannya 18 karat emas putih mempunyai 75% emas tulen dan 14 karat emas putih mempunyai 58.3% emas tulen. Emas putih yang paling berkualiti biasanya mengandungi kandungan 18 karat emas yang dicampur dengan logam jenis paladium dan ada kalanya dengan tembaga merah (*copper*), perak atau platinum. Emas yang telah dicampur dengan logam-logam tersebut akan berwarna putih kekuning-kuningan. Untuk memurnikan

warna putih tersebut, perhiasan-perhiasan daripada emas putih biasanya akan dilapis atau disalut dengan bahan yang bernama rodium. Rodium ialah sejenis elemen logam berwarna putih keperakan metalik atau putih kelabu, bersifat mulur (tidak rapuh) dan termasuk dalam kumpulan platinum. Jika selalu dipakai, salutan rodium akan menjadi nipis dan pudar, dan hasilnya warna logam yang diliputinya akan kelihatan.

Daripada penjelasan ini, dapat difahami bahawa setiap emas putih itu mengandungi emas tulen dan logam lain. Walau bagaimanapun, warna emas yang asal iaitu kuning berubah menjadi putih setelah emas tersebut dicampur dengan logam-logam yang lain.

Asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini Rahimahullah dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj* menyebut:

Ertinya: Dan tidak ada sesuatu (zakat) pada yang dicampuri, iaitu yang dicampuri dengan apa yang lebih rendah (nilai) daripadanya seperti emas (dicampuri) dengan perak dan perak (dicampuri) dengan tembaga, sehingga kandungan tulennya mencapai *nishab* berdasarkan hadits-hadits terdahulu. Maka apabila (kandungan tulen) telah mencapainya (*nishab*), dia dikeluarkan (zakat) yang wajib (dari kadar) yang tulen (*sahaja*) atau (dia dikeluarkan zakat dari keseluruhan kadar) bercampur (dengan maksud) kadar emas tulen sebagai kadar yang wajib dan kadar (zakat) dari tembaga dikira sebagai *tathawwu'* (*sukarela*).

Sebagai contoh, gelang emas putih 18 karat (campuran emas dengan tembaga) yang beratnya 150 gram yang berat kandungan emas tulennya ialah 112.5 gram. Kadar ini mencapai *nishab* zakat. Maka boleh dikeluarkan zakatnya sama ada dengan kadar 2.5% daripada 112.5 gram iaitu kadar emas tulen yang terdapat



IRSYAD HUKUM

جَانِبُ مَفِي كَرَجَانِ
جَانِبُ مَفِي كَرَجَانِ

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

pada gelang emas putih tersebut atau dikeluarkan zakatnya dengan kadar 2.5% daripada 150 gram iaitu berat gelang emas putih yang termasuk padanya berat tembaga. Jika zakat dikeluarkan dengan kadar 2.5% daripada 150 gram, maka zakat dari berat tembaga yang dikeluarkan itu dikira sebagai sukarela.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat difahami bahawa tidak wajib dikeluarkan zakat daripada emas putih kerana emas tulen di dalamnya bercampur dengan logam lain melainkan jika kandungan emas tulen itu mencapai kadar *nishab*. Jika emas tulen dalam emas putih itu mencapai kadar *nishab* maka wajib dikeluarkan zakat emas tulen yang sampai *nishab* itu. *Nishab*, *haul* dan kadar zakat bagi emas tulen yang terkandung dalam emas putih itu adalah sama dengan *nishab*, *haul* dan kadar zakat emas kuning. Adapun barang kemas daripada emas putih yang dipakai sekalipun emas tulennya mencapai *nishab*, ia tidak diwajibkan zakat selagi kadar tersebut tidak berlebihan yang dianggap membazir atau boros.

EMAS putih ialah sejenis logam yang terhasil setelah emas tulen dicampur dengan logam berwarna putih seperti nikel, paladium dan sebagainya. Sebagaimana dengan emas yang berwarna kuning, emas putih juga mempunyai nisbah karat tertentu. Nisbah karat pada dasarnya menunjukkan sesuatu benda itu telah diperbuat daripada emas atau mengandungi emas dengan kadar tertentu. Sebagai contoh, benda yang mempunyai nisbah 24 karat bererti ia adalah semata-mata emas tulen. 20 karat bererti ia terdiri daripada 20 bahagian emas tulen dan 4 bahagian logam-logam lain.

Jangan tinggalkan doa dalam kehidupan seharian

"Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Oleh itu, menjadi kewajipan bagi setiap Muslim agar tidak mengabaikan doa di dalam hidupnya sama ada ketika susah mahupun senang termasuklah dalam perkara memohon keberkatan ini. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar umatnya untuk sentiasa berdoa memohon keberkatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Imam Abu Daud meriwayatkan dalam kitab sunannya, daripada Al-Hasan bin 'Ali berkata yang maksudnya :

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar aku beberapa kalimah yang ku ucapkan dalam sembahyang witir iaitu : "Ya Allah! Berikanlah aku hidayah

sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikan kesihatan kepadaku sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan kesihatan. Dan peliharalah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau pelihara. Berilah keberkatan kepadaku pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkan aku (dengan rahmat Allah) dari bahaya yang telah Engkau tentukan. Maka sesungguhnya, Engkaulah yang menghukum dan bukannya yang dihukum. Dan sesungguhnya tidak akan hina orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi".

Dalam hadis Imam Al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah diminta untuk mendoakan Anas Radhiallahuanhu, lalu Baginda pun berdoa agar beliau diberikan keberkatan. Daripada

Anas Radhiallahuanhu berkata yang maksudnya :

Ibu saya berkata : "Wahai Rasulullah! Berdoalah untuk pelayan anda ini, iaitu Anas". Maka baginda berdoa : "Ya Allah! Perbanyakkanlah hartanya, anak-anaknya dan berkatilah apa-apa yang Engkau berikan kepadanya".

Demikianlah anjuran para nabi untuk kita sentiasa berdoa sebagai salah satu cara untuk menggapai keberkatan dalam semua perkara sama ada ke atas makanan, minuman, harta, keturunan dan segala hal yang Allah Subhanahu Wata'ala kurniakan kepada hamba-hamba-Nya. Ia juga sebagai dorongan ke atas kita untuk mencari dan memperoleh perkara-perkara yang mendatangkan keberkatan dan menghindari hal-hal yang tidak mendatangkan manfaat. Sesuatu yang sedikit tetapi diberkati adalah lebih baik daripada sesuatu yang banyak tanpa adanya keberkatan di dalamnya.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

DOA memiliki kedudukan yang tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, ia menzahirkan sifat kehambaan, kekurangan dan rendah diri serta harapan seorang hamba kepada Tuhannya yang menciptanya dan mentadbir segala urusannya. Seseorang yang berdoa, dia sadar bahawa dirinya yang serba kekurangan dan lemah, maka dia mengharap dengan berdoa kepada Tuhan yang sentiasa mengasihinya agar mendengar permintaannya. Doa juga merupakan satu perintah yang telah ditegaskan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui firman-Nya dalam Surah Ghaafir, ayat 60, yang mafhumnya :

18 QARI, 5 QARIAH MEMPERDENGARKAN BACAAN PADA HARI KEDUA



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Selasa, 11 November. - Seramai 23 peserta terdiri daripada 18 qari dan lima qariah memperdengarkan bacaan masing-masing pada sebelah pagi dan petang hari ini, pada hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian



Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hadir selaku tetamu khas pada sebelah pagi, Pengarah Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok; manakala pada sebelah petang, Pemangku Penolong Pengarah



PENGARAH Hal Ehwal Syariah, Awang Haji Suhaimi bin Haji Gemok hadir selaku tetamu khas pada sebelah pagi hari kedua Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Hal Ehwal Masjid, Awang Zulkifli bin Haji Murat.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berkenaan turut disiarkan secara langsung (*live streaming*) melalui akaun Instagram rasmi Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di @kheu.brunei dan juga menerusi pautan Microsoft Teams <https://tiny.cc/kheumusabaqah>.

Penganjuran Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan bertujuan untuk memartabatkan syiar Islam melalui pembacaan dan penghayatan Al-Quran, di samping melahirkan qari dan qariah negara yang berkualiti, berilmu dan berakhlak mulia.

Selain itu, ia juga menjadi platform bagi mengasah bakat dan meningkatkan mutu pembacaan Al-Quran dalam kalangan masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam.

ANTARA peserta yang memperdengarkan bacaan masing-masing pada musabaqah berkenaan (kiri dan kiri sekali).

23 peserta perdengarkan bacaan pada hari pertama

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi diadakan selama tiga hari berturut-turut, iaitu pada Isnin, Selasa dan Rabu, 19, 20 dan 21 Jamadilawal 1447H bersamaan 10, 11 dan 12 November 2025M bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Pada hari pertama, seramai 23 peserta terdiri daripada 18 qari dan lima qariah memperdengarkan bacaan masing-masing (pagi dan petang).



Hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sebelah pagi, Pemangku Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman; manakala pada sebelah petang pula, Pengarah Perundangan Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dr. Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh.

Seramai 41 peserta, iaitu 32 qari dan sembilan qariah yang terpilih telah melalui Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M anjuran Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU bertempat di Masjid Setia




PEMANGKU Pengarah Pusat Da'wah Islamiah hadir selaku tetamu kehormat majlis pada sebelah pagi Pertandingan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447 Hijrah / 2026 Masihi.

Ali, Pekan Muara pada 21, 22 dan 23 Oktober 2025 lalu.

Manakala, 10 orang, iaitu lima qari dan lima qariah sebagai peserta menunggu daripada Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1446H / 2025M.

Sementara 17 qari daripadanya adalah peserta musabaqah yang mendapat markah 80 peratus ke atas tiga tahun berturut-turut di



peringkat separuh akhir kebangsaan, johan qari Musabaqah Tilawatil Quran Belia Kebangsaan Peringkat Akhir Tahun 1446H / 2025M.

Majlis Pengumuman Keputusan dan Penyampaian Hadiah dan Cenderamata kepada para peserta dan hakim Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan Tahun 1447H / 2026M akan diadakan pada Khamis, 22 Jamadilawal 1447 bersamaan 13 November 2025, jam 1.45 petang di

tempat yang sama.

Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan berkenaan boleh diikuti langsung (*live streaming*) melalui akaun Instagram rasmi KHEU @kheu.brunei dan Microsoft Teams <https://tiny.cc/kheumusabaqah>.

Penganjuran musabaqah berkenaan dihasrat dapat memajukan dan mengembangkan lagi bidang Al-Quran serta dapat mendorong masyarakat ke arah celik Al-Quran di samping sebagai wadah dan zikir untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk perlindungan daripada sebarang kelaian.

ANTARA peserta qari dan qariah yang memperdengarkan bacaan masing-masing pada musabaqah tersebut.

SMART CLASSROOM MEMPERKAYA AMALAN PENGAJARAN, PEMBELAJARAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Bersempena dengan Sambutan Jubli Emas Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB), Majlis Pelancaran Bilik Smart Classroom diadakan pagi tadi bertempat di Smart Classroom, Bangunan Pentadbiran, maktab tersebut, di sini.

Hadir merasmikan bilik tersebut ialah Pemangku Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah, Dr. Eddy Fazlin

bin Haji Amdan, yang mewakili Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengetua MDPAMB, Dayangku Hajah Nooramaliyah binti Pengiran Haji Ahmad yang antara lain mengongsikan, sejak mula digunakan pada awal tahun ini, Smart Classroom telah dimanfaatkan secara meluas oleh

warga maktab. Tempahan penggunaannya diuruskan melalui sistem *first-come, first-served* menerusi aplikasi mudah alih, bagi memastikan penggunaan yang teratur dan adil.

Menurut beliau lagi, selain digunakan untuk sesi pembelajaran, Smart Classroom ini juga menjadi lokasi pelbagai Sesi Pembangunan Profesional, termasuk yang telah diadakan pada 30 April, 1 Mei dan 6 Mei 2025.

"Pada 5 Ogos 2025, Smart Classroom sekali lagi digunakan bagi mengadakan Bengkel 'AI As A Teacher's Assistant', alhamdulillah, sekali lagi Smart classroom ini memberi inspirasi dan kemudahan untuk para pendidik dalam meneroka integrasi teknologi AI bagi memperkayakan amalan pengajaran dan pembelajaran," ujarnya.

Majlis kemudiannya diikuti dengan upacara pelancaran rasmi bilik Smart Classroom oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut menyaksikan demonstrasi penggunaan teknologi Smart Classroom, diikuti sesi bergambar ramai dan lawatan ke ruang pembelajaran baharu tersebut. Majlis ini melambangkan satu lagi pencapaian penting



PEMANGKU Pengarah Jabatan Sekolah-Sekolah semasa Majlis Pelancaran Bilik Smart Classroom (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

MDPMAMB dalam memperkukuh usaha ke arah transformasi digital dan pembelajaran Abad Ke-21, selaras dengan matlamat Wawasan Brunei 2035 dan semangat Sambutan Ulang Tahun Ke-50 Penubuhan MDPAMB.

Turut hadir ialah wakil-wakil dari pelbagai jabatan dan unit di bawah Kementerian Pendidikan, termasuk Jabatan Teknologi

Berita dan Foto : Aimi Sani

Maklumat dan Komunikasi, Jabatan Pusat Sekolah-Sekolah, Pusat Teknologi Pendidikan, serta Pejabat-pejabat Kluster, di samping wakil daripada Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) sebagai rakan strategik dalam usaha pendigitalan pendidikan.

Rombongan J.CLAIR lawat MPK Sungai Bunga

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



KOTA BATU, Selasa, 11 November. - Rombongan yang terdiri daripada Japan Council of Local Authority for International Relations (J.CLAIR), hari ini telah berkesempatan mengenali secara lebih dekat akan produk-produk makanan keluaran penduduk kampung tempatan.

Rombongan berkenaan telah mengadakan lawatan menerusi Program Bedudun ke Pusat Aktiviti Pelancongan Seri Tanjung, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga, di sini.

Hadir bagi mengalu-alukan kedatangan rombongan ialah Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram; Ketua

Kampung Sungai Bunga / Tanjung Kindana / Pulau Baru-Baru, Awang Zaini bin Haji Salleh dan Ketua Kampung Sungai Besar, Sungai Belukut dan Kampung Serdang, Lt. Kol (B) Haji Awang Zaini bin Haji Awang Damit.

Selain menelusuri dan menyaksikan keindahan sekitar Sungai Brunei dengan menaiki bot ke kampung berkenaan, rombongan turut mencipta momen istimewa dengan merasai sendiri pengalaman membuat produk tempatan, termasuk mencuba menghasilkan keropok udang.

Selain itu, mereka turut tertarik untuk mencuba hasil pembuatan Produk Satu Kampung Satu



KETUA Kampung Sungai Besar, Sungai Belukut dan Kampung Serdang hadir bagi mengalu-alukan kedatangan rombongan (atas).

Produk berkenaan yang lain termasuk Kuih Putu Mayang dan Kuih Sapit.

MPK Sungai Bunga merupakan salah sebuah kampung yang begitu bergiat aktif dalam mengendalikan program perekonomian dalam bidang perkhidmatan pelancongan berasaskan komuniti.

Sehubungan itu, program yang diunkayahkan tersebut telah menarik perhatian agensi luar negara melalui Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri yang berhasrat untuk meninjau pendekatan program berkenaan melalui lawatan sambil menyaksikan dengan lebih dekat pelaksanaan program dan pakej yang dijalankan.

Rombongan turut berpeluang merasai pengalaman baharu melalui tunjuk cara pembuatan kuih-muih tradisional, yang pastinya meninggalkan kenangan manis untuk mereka melalui rakaman video dan gambar sebagai kenang-kenangan untuk dikongsi serta diceritakan kepada keluarga dan rakan-rakan setibanya di negara masing-masing nanti.

ROMBONGAN berpeluang menyaksikan pembuatan produk tempatan (kiri dan atas kiri).

Pupuk kesedaran kepentingan menjaga kebersihan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Kempen Kebersihan telah diadakan di perkarangan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah (YSHHB) baru-baru ini dalam menyemarakkan Sambutan Jubli Perak bersempena memperingati 25 tahun penggunaan masjid berkenaan.

Kempen tersebut melibatkan penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah, Belia Imtiyaz serta para jemaah masjid berkenaan. Aktiviti tersebut dijalankan dengan penuh semangat kerjasama dan tanggungjawab bagi memastikan kebersihan serta keindahan rumah Allah sentiasa terpelihara.

Turut hadir bagi memberikan sokongan terhadap inisiatif berkenaan ialah Pemangku Ketua Kampong Zon 4 Kampong Ayer, Kampong Bolkiah 'A' dan 'B' iaitu Awang Shahminan bin Haji Matzin dan Awang Samsuddin bin Haji Maidin.

Kempen ini antara lain bertujuan untuk memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat setempat tentang pentingnya menjaga kebersihan persekitaran masjid, di samping memperkukuh ukhuwah antara jemaah dan generasi muda.

Penganjuran ini juga menjadi salah satu aktiviti sampingan menjelang Majlis Sambutan Jubli Perak Masjid YSHHB yang akan berlangsung tidak lama lagi. Semoga usaha murni ini terus menjadi budaya dalam kalangan masyarakat Islam, serta mendapat keberkatan dan ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



SEKITAR Kempen Kebersihan yang diadakan di perkarangan Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanalk Bolkiah.

SEMAI SEMANGAT KEUSAHAWANAN, KREATIVITI DALAM KALANGAN PELAJAR



SEKITAR Hari Keusahawanan dan Pertandingan Talent Show Barista Challenge bertempat di kawasan Courtyard Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) (atas dan kiri).

■ Berita dan Foto : Nurdyanah Rajami

BERAKAS, Isnin, 10 November. — Dengan matlamat bagi memupuk semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar sekali gus mengasah kreativiti, keyakinan diri serta kemahiran komunikasi, Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) mengadakan Hari Keusahawanan dan Pertandingan Talent Show Barista Challenge bertempat di kawasan Courtyard Sekolah YSHHB, hari ini.

Program yang dikendalikan di bawah Jabatan Pengetahuan Agama Islam (IRK), Bahasa Arab

dan Pendidikan Latihan Jasmani (P.E) itu merupakan satu program yang dirancang dengan harapan mewujudkan golongan pelajar yang mampu belajar cara mengurus, merancang serta berinteraksi dengan masyarakat sekolah secara positif dan beretika.

Sepanjang program berkenaan telah dimuatkan pelbagai aktiviti jualan makanan dan minuman, barangan perhiasan, sentuhan karya kreativiti 'henna' dan juga persembahan bakat seperti cabaran kemahiran Barista yang

diketengahkan oleh para pelajar peringkat menengah sekolah tersebut.

Program itu telah terbuka untuk kunjungan warga Sekolah YSHHB yang terdiri daripada guru-guru, murid-murid taska dan rendah serta para ibu bapa.

Dengan penganjuran program berkenaan, ia juga bertujuan bagi menyokong usaha sekolah dalam melahirkan generasi pelajar yang berdaya saing, inovatif dan mempunyai nilai keusahawanan.

ANTARA pelajar yang hadir pada majlis tersebut.



MINDA PEMBACA

Kesan buli terhadap kesihatan mental

BULI merupakan satu bentuk tingkah laku agresif yang berulang, bertujuan untuk menyakiti atau menguasai individu lain secara fizikal, mental atau emosi, biasanya melibatkan ketidakseimbangan kuasa antara pelaku dan mangsa. Terdapat empat bentuk utama buli, iaitu secara fizikal, lisan, sosial dan siber. Fenomena ini boleh berlaku di pelbagai tempat seperti sekolah, tempat kerja, rumah, malah di ruang maya seperti media sosial. Budaya buli yang tidak dibendung boleh memberi kesan panjang terhadap kesejahteraan mental dan sosial mangsa.

Mangsa buli lazimnya mengalami kemurungan yang

mendalam. Mereka berasa tidak berharga, hilang keyakinan diri, dan sukar melihat harapan dalam kehidupan. Perasaan sedih yang berpanjangan ini boleh menjejaskan fungsi harian serta kesejahteraan emosi mereka secara menyeluruh.

Individu yang dibuli cenderung untuk mengalami kebimbangan (*anxiety*) yang berterusan. Mereka sentiasa berasa takut, gelisah atau tidak selamat, terutamanya apabila berada dalam persekitaran sosial seperti sekolah, tempat kerja atau media sosial. Akibatnya, mereka mengasingkan diri dan mengelak daripada berinteraksi dengan orang lain.

Tekanan berpanjangan akibat buli

boleh membawa mengakibatkan tekanan kronik. Mangsa mungkin mengalami gangguan tidur, keletihan mental dan kesukaran menumpukan perhatian dalam aktiviti harian seperti pembelajaran atau pekerjaan. Dalam jangka masa panjang, tekanan ini turut menjejaskan kesihatan fizikal.

Dalam kes yang lebih serius, buli boleh menyebabkan trauma psikologi yang mendalam. Mangsa berisiko mengalami gangguan tekanan pasca trauma (PTSD), terutamanya jika buli berlaku secara berulang atau melibatkan unsur keganasan. Trauma ini boleh mengganggu kestabilan mental dan sosial mangsa untuk tempoh yang lama.

Tuntasnya, buli merupakan isu

sosial yang serius dan perlu ditangani secara menyeluruh. Tingkah laku agresif ini bukan sahaja menyakiti mangsa secara fizikal, malah memberi kesan mendalam terhadap kesihatan mental dan emosi mereka. Oleh itu, usaha pencegahan seperti pendidikan kesedaran, sokongan psikososial, dan tindakan tegas terhadap pelaku buli perlu diperkukuh agar kesejahteraan mental masyarakat dapat dilindungi.

Nama : Nur'Aqilah Nadia Syafiqah
binti Dzulhasmie
No. K/P : 01-136XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Cabaran Memupuk Hubungan Kejiranan'. Tarikh Tutup : 12 November 2025
- 2.'Mewujudkan Keamanan Dunia melalui Hubungan Antarabangsa'. Tarikh Tutup : 19 November 2025
- 3.'Peranan Pendidikan Dalam Mencegah Penyeludupan Remaja'. Tarikh Tutup : 26 November 2025

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300** patah perkataan.

3.Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang


**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan

Kelas:
II Sahaja

Kategori:
B01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSBM036 / 2025

Nama Tawaran:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bagi
Bangunan Stor Bahagian
Pengurusan Estet dan Perumahan,
Jabatan Kemajuan Perumahan

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 18 November 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Disember 2025



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV Atau V

Kategori:
M01 (With at least 1 valid
Project Supervisor / Engineer
registered under M01)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
25 November 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam: 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BP / 36 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Penggantian
Penghawa Dingin Baharu UNISSA

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



and Electrical Engineering
Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 28 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
For Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Creative, Cultural Industries
Hub (CCI HUB) And Community
Library'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada 'Quantity
Surveying Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 29 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Quantity Surveying Consultancy
Services For 'Creative, Cultural
Industries Hub (CCI HUB) And
Community Library'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



Dibukakan Kepada 'Mechanical
and Electrical Engineering
Consultancy' yang berdaftar
dengan Kementerian
Pembangunan

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Sabtu, 22 November 2025

Tarikh Tutup:
Selasa,
25 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 59 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Pembinaan Bangunan
Pejabat Baharu Kementerian Hal
Ehwal Luar Negeri (Retender)'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical
and Electrical Engineering
Consultancy' yang berdaftar
dengan



**Dibukakan Kepada Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas:
II sahaja

Kategori:
S02

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 035 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Memotong Rumput,
Pemangkasan Dan Memotong
Pokok Di Bawah
Penyelenggaraan Aset Bangunan
JKR Belait Untuk Tempoh Tiga
Puluh Enam (36) Bulan.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 003-001-002

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:
Berdaftar Di Bawah Akta Nama
Perniagaan (Seksyen 16 & 17)

Kategori:
Jualan Kenderaan Bermotor Baru

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 037 / 2025

Nama Projek:
Membekal Satu (1) Unit
Kenderaan '7-Seaters 4WD' Di
Unit Mekanikal, Jabatan Kerja
Raya, Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB / 2105 / 003-002-001

Yuran Tawaran :
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

Kelas:

Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 60 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Pusat Kesihatan Mengkubau
(Retender)'

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical
and Electrical Engineering
Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 61 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Pembinaan Blok Baharu
Makmal Rujukan (Retender)'

Yuran Tawaran:
BND100.00

II & III Sahaja

Kategori:
KA01

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 039 / 2025

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Paip Dan
Lurang Pembentung Bagi
Kawasan Komersial, Pekan Seria,
Daerah Belait.

No. Projek:
2025ADKB / 2106 / 002-003-016

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Kelas:
IV dan V

Kategori:
M01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-ACM / 33 /
2025

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Operasi
Dan Kerja-Kerja Pemeliharaan
Sistem Hawa Dingin Bagi 'Group
Location 4' Untuk Tempoh
Dua (2) Tahun

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Selasa,
2 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang



(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical
and Electrical Engineering
Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 62 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Pembinaan UBD Innovation
Lab (Retender)'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical
and Electrical Engineering
Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 63 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ) For
Mechanical and Electrical
Engineering Consultancy Services
For 'Kampus Kekal Politeknik
Brunei (Retender)'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)



Bilangan Sebut Harga:
23 / DBP / SH / 2025 - 2026

Nama Dokumen Sebut Harga:
Pembekalan Tent, Air-Con,
Platform, Lighting On Rental Basis
Bagi Majlis Perasmian Strategi
Membaca Kebangsaan 2025 Dewan
Bahasa dan Pustaka, Kementerian
Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
13 November 2025

Harga Borang Tawaran:
BND10.00



**Dibukakan Kepada 'Architect
Consultancy' yang berdaftar
dengan
Kementerian Pembangunan**

Tarikh Tutup:
Selasa, 25 November 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 26 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
For Architect Consultancy
Services For 'Creative,
Cultural Industries Hub (CCI HUB)
And Community Library'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Dibukakan Kepada 'Civil
and Structural Engineering
Consultancy' yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan**

Bilangan Tawaran:
JKR / RFQ / DOD / 27 / 2025

Nama Projek:
Request for Quotation (RFQ)
For Civil and Structural Engineering
Consultancy Services For
'Creative, Cultural Industries Hub
(CCI HUB) And Community Library'

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada 'Mechanical



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen
Tawaran:**
5 November 2025

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
Selasa, 25 November 2025
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Disember 2025
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 30 / 2025

Nama Projek:
Membaik Pulih dan Menurap
Semula Jalan Utama - Jalan
Muara

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Membekal dan
Menghantar Peralatan /
Perkakas Kebersihan**

**1. DA / JKSH / 114 / 2025 / 2026
[UPP-NOV-2025]**

Sebut Harga Bagi Membekal dan
Menghantar Peralatan / Perakas
Kebersihan Bagi Simpanan Unit
Perbekalan dan Stor, Bahagian
Perkhidmatan Kewangan dan
Perbekalan, Jabatan Pentadbiran
dan Perkhidmatan-Perkhidmatan,
Kementerian Pendidikan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 15 November 2025
(Jam 9.00 Pagi)



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**Penerbitan Iklan
Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**1) UNISSA / SB0050 / 2025 /
2026**

To Supply, Delivery, Installation,
Testing And Commissioning Of
Audio Translator Systems For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Gadong Campus

**2) UNISSA / SB0052 / 2025 /
2026**

To Supply, Delivery And Training
Of Research Equipment,
Hardware With Software For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Research Project Titled
"Improving Soil Quality, Paddy
Yield And Paddy Farmers Profit
Using Organic Conditioners From
Chicken Dung"

Tarikh Tutup:
Rabu, 26 November 2025



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 74 / 2025 / 2026
(JPPE-NOV-2025)**

Demolition Works To Government
Building At Sekolah Rendah
Panaga Area, Flat Kelas E JKR
343, Kelas F JKR 433 And
JKR 345, Seria,
Negara Brunei Darussalam.

Kelas:
II / III

(Pemborong Yang Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan,
Negara Brunei Darussalam)

Kategori:
B01

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran:**
BND10.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran:**
19 November 2025 (Rabu)

Tarikh Tutup Dan Waktu:
25 November 2025 -
Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



**Penerbitan Iklan Universiti Islam
Sultan Sharif Ali**

UNISSA / SB0051 / 2025 / 2026

To Supply, Delivery And
Installation Of Mini Greenhouse
For Universiti Islam Sultan Sharif
Ali (UNISSA) Research Project
Titled "Improving Soil Quality,
Paddy Yield And Paddy Farmers
Profit Using Organic Conditioners
From Chicken Dung" –
[CLASS: 1 & ABOVE] &
[CATEGORY: KA01 & B01]

Tarikh Tutup:
Rabu,
26 November 2025



**KEMENTERIAN KEWANGAN
DAN EKONOMI**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Kementerian Kewangan
dan Ekonomi
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.8 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Getting Things Done"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.9 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Emotional Intelligence (EQ)"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.10 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Intensive Communication Skills"

Bilangan Sebut Harga:
KKW / BPSM / 11 Q.11 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Pengendalian Latihan Dalam
(In-House) Bagi Kursus
"Emerging Leaders"

Tarikh Tutup:
Sabtu, 22 November 2025



KEMENTERIAN KESIHATAN

Bilangan Tawaran:
KK / 336 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
The Provision Of Cleaning, Grass
Cutting And Drainage Management
Services For The Molecular
Diagnostics Unit Of Respiratory
Viruses, National Virology Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services For A Period
Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 337 / 2025 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver IFA Reagent
Test Kits With Equipment Rental For
National Immunology Reference
Laboratory, Department Of
Laboratory Services, Ministry Of
Health For A Period Of Five
(5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 338 / 2025 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Endodontic
Consumable Items For The
Department Of Dental Services
Ministry Of Health For A Period Of
Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup:
25 November 2025
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang



**KOLEJ UNIVERSITI
PERGURUAN UGAMA SERI
BEGAWAN**

Bilangan Tawaran:
KUPU SB / JKS / CRP01-11 /
2025 - 2026
Percetakan, Perbekalan dan
Pengedaran Bahan Terbitan dan
Promosi KUPU SB 2025

Tarikh Tutup:
Rabu, 26 November 2025
Jam 2.00 Petang



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2025 – 2026 / 76 /
BPPK / 18

Tajuk Sebut Harga :
Supply and Delivery Customized
Uniforms For Bahagian
Perbandaran dan Kebersihan,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 13 November 2025
Jam 2.00 Petang

**Keterangan Lanjut Boleh
Diperoleh Dari:**
Seksyen Perkhidmatan Kenderaan
dan Pengutipan Sampah,
Bahagian Perkhidmatan
Perbandaran dan Kebersihan
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran
Bandar Seri Begawan



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA
DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga
Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan**

JPt / SH / 101 / 2025 - 2026
To Perform Certification On
Biosafety Cabinets Class II And III,
Fumehood, PCR Cabinets,
Laminar Flow & Balance
Enclosure Cabinets At Veterinary
Laboratory Services

Tarikh Tutup:
Khamis, 11 Disember 2025
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Borang Sebut Harga:
BND7.00

Sebut harga hendaklah
dimasukkan ke dalam Peti Sebut
harga dan dialamatkan kepada Ibu
Pejabat, Jabatan Pertanian dan
Agrimakanan, Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama, Berakas
BB3510 Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / ITAU /
TA / GSU / 001
[JPPK/LTN/10/2025]
Proposed Multipurpose Warehouse
For Gurkha Security Unit

Tarikh Mula Tawaran:
3 November 2025

Kelas:
III dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Sembilan (09) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 1 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
9 Disember 2025
(Selasa)
2.00 petang



INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM

Tajuk Sebut Harga (01)
IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Penaiktarafan dan
Pengubahsuaian Makmal Komputer

Tajuk Sebut Harga (02)
IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Pengawasan
Keselamatan Bagi Tempoh Satu
(01) Tahun

Tajuk Sebut Harga (03)
IPA / PENT / MIS / 397
Perkhidmatan Pembekalan 30 Unit
Komputer Riba
(Laptop)

Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga :
Selasa,
18 November 2025
Jam 9.00 Pagi

Yuran Sebut Harga:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / INFRA / FY2025
/ T / TL / 003 [JPPK/LTN/17/2025]
Three (03) Years Operational
Maintenance And Corrective
Repair For Royal Brunei Naval
Base Muara, Ministry Of Defence,
Brunei Darussalam

Tarikh Mula Tawaran:
3 November 2025

Kelas:
V dan ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Tiga (3) Tahun

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada hari
Isnin, 1 Disember 2025

Tarikh Tutup Tawaran:
9 Disember 2025
(Selasa)
2.00 petang

Yuran Dokumen
(MINDEF SOR 2019)
(Tidak Dikembalikan):
BND500.00 satu set (dalam
bentuk CD)*



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2025 / GCAU /
GSU / TA / 8001
Purchase Of Uniform And
Accessories For Gurkha Security
Unit

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
25 November 2025.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 2 Disember 2025
2.00 petang

JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q /
2025-29

Pembekalan Segel Jenis "Cable
Lock Wire Seal" Bagi Kegunaan
Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q /
2025-30

Pembekalan Segel Jenis "High
Security Container Seal" Bagi
Kegunaan Jabatan Kastam Dan
Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q /
2025-31

Pembekalan Pelekat Segel Jenis
Kertas Bagi Kegunaan Jabatan
Kastam Dan Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q /
2025-32

Pembekalan Tempahan
Dan Pembekalan Bendera Kastam
Bagi Kegunaan Jabatan Kastam Dan
Eksais Diraja,
Kementerian Kewangan Dan
Ekonomi, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Selasa, 18 November 2025
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

**Jabatan Hal Ehwal Syari'ah
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Sebut Harga:
34 / JS / A / 14 / 2024 PT.2

Kelas:
Vehicles Supplier / Agent Only

Kategori:
Vehicles Supplier / Agent Only

**Tawaran Sebut Harga Pembelian
Kenderaan 12 - 15 Seater,
Bagi Jabatan Hal Ehwal
Syari'ah, Kementerian Hal
Ehwal Ugama**



Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :
JKED / TAWARAN / UPDP / BL / Q /
2025-28

Tempahan Dan Pembekalan Kotak
Bagi Kegunaan Jabatan Kastam
Dan Eksais Diraja, Kementerian
Kewangan Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Selasa, 18 November 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik
Negara Brunei Darussalam**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / DIS / 085 / 2025

Tajuk:
Supply And Delivery Of Genie Evo
Switchgear For Brunei-Muara District

Tarikh Tutup:
9 Disember 2025
(Selasa, Jam 2:00 Petang)

Harga Dokumen:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Lobi Utama, Aras 1, Bangunan
Jabatan Perdana Menteri, Jabatan
Perdana Menteri, Bandar Seri
Begawan, Bb3913, Negara Brunei
Darussalam

Kelayakan:
P05

Dokumen-dokumen tawaran dan
penerangan-penerangan yang lanjut
bolehlah diperolehi dari Kaunter Unit
Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4,
Jabatan Perkhidmatan Elektrik,
Jabatan Perdana Menteri, Negara
Brunei Darussalam.

Perhatian:
Sila sertakan salinan "BUSINESS
NAMES ENACTMENT, 1958 -
SECTION 16 & 17", sijil pendaftaran
pemborong (MOD), Sijil Tabung
Amanah Pekerja, "Tap Employer
Contribution" dan 'Certificate of Tax
Compliance' semasa menghantar
dokumen ini ke Jabatan
Perkhidmatan Elektrik.

KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI

1. Bilangan Sebut Harga:
05 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Supply, Deliver And Installation Of
Smart Interactive Display Panel
Screen

2. Bilangan Sebut Harga:
06 / ASSET.MFA / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Term Contract For General
Cleaning And Ground
Maintenance Services At The
Secretariat Office Jalan Perayaan
For A Period Of Twelve
(12) Months

Bayaran Sebut Harga:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 19 November 2025
Jam 2.00 Petang

JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0049 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
12 Months Contract To Supply
And Delivery Of Berried Broods
To Fishery Research Division

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0050 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Repair Works To House No.6
Flat G, Kg. Sabun,
Department Of Fisheries

Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0051 / 2025

Tajuk Sebut Harga:
Mengendalikan Dan
Menyampaikan Kursus Latihan
"Foundation / Basic Level On
Food Safety And Hygiene"
Bagi Pengusaha Industri
Pemprosesan Kecil-Kecilan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 19 November 2025
Jam 2.00 Petang





IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

- 1 **Teliti Skim Iklan** sebelum memohon.
- 2 Profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** skim iklan akan ditolak.
- 3 **Lengkapkan Profil PSKR 2.0** (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
- 4 **Lengkapkan Kelulusan** (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)
- 5 **Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap** *Sijil, transkrip dan pengiktirafan Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan (MKPK) yang berkenaan
- 6 Tandakan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
- 7 **Lengkapkan Maklumat** (kursus / peperiksaan / Peperiksaan Perkhidmatan Awam / latihan-latihan / kelayakan profesional dan lain-lain yang dipersyaratkan di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn



Talian Whatsapp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam



PSC.BN



PERATURAN-PERATURAN IKLAN JAWATAN AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

Bab 7(A)

Peraturan 7(A): Dibukakan kepada orang ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Gaji Hari, Luar Bidang Kuasa SPA dan Luar Negeri



Bab 38(A)

Peraturan 38(A): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



Bab 38(B)

Peraturan 38(B): Khusus bagi Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan dimana kekosongan jawatan diiklankan.

*termasuk Luar Bidang Kuasa SPA



JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN

Pemberitahuan Sebut Harga

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Khamis,
11 Disember 2025.

Bayaran Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 60 (A) / 2025-2026

Term Contract For Provision Of
Building Safety Materials And The
Likes For All Buildings Under The
Department Of Agriculture And
Agrifood For The Period Of
Twelve (12) Months

JPt / SH / 98 / 2025-2026

Membersih Saliran Konkrit Di KKP
Lampaki, Daerah Brunei Muara

JPt / SH / 99 / 2025-2026

Kontrek Penggal
Bagi Kerja-Kerja Membaik Pulih
Kerosakan Ke Atas Paip-Paip
Bekalan Air Domestik Di Kawasan
Kemajuan Pertanian Bagi Tempoh
Dua (2) Tahun

JPt / SH / 100 / 2025-2026

Provision Of Proficiency Tests For
Laboratories Under The Crop
Protection And Soil Science
Section In Accordance To
ISO/IEC 17025



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Tawaran No. 01

Term Contract for One (01) Year of
Maintenance of Existing Lighting
and Electrical Accessories at
Department of Civil Aviation
Buildings, Brunei International
Airport - Fsoar

AME / 2025-2026 / SH-63
(kelas III atau ke atas)

Tawaran No. 02

Term Contract for Vehicles
Maintenance Services,
Department of Civil Aviation

AME / 2025 - 2026 / SH-72

Tawaran No. 03

Term Contract for Wildlife Issues
at Brunei International Airport for
Twelve (12) Months

AME / 2025-2026 / SH-74
(kelas II atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
12 November 2025,
Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:
25 November 2025,
Selasa.

Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
26 November 2025,
Rabu



PASTIKAN AWDA MEMENUHI SYARAT-SYARAT KELAYAKAN BAGI JAWATAN YANG AKAN DIPOHON

Maklumat profil yang **tidak lengkap** dan **tidak memenuhi syarat kelayakan** Skim Iklan akan **tidak disenaraipendekkan**



MENGUKUHKAN SEMANGAT SOLIDARITI, PATRIOTIK PENUNTUT

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



BELAIT, Isnin, 10 November. – Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait, Bahagian Cawangan Daerah meneruskan lagi Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' dengan berkunjung ke Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait.

Seramai 124 penuntut Tahun 7, Tahun 8 dan Tahun 9 menghadiri taklimat yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Pengetua sekolah berkenaan, Dayang Hajah Jumimah binti Haji Jumat serta para tenaga pengajar.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Awang Muhd. Khairulhadi bin Haji Muhd. Muhtaddir, selaku Ketua Cawangan

Penerangan Daerah Belait yang antara lain menyentuh mengenai raja, sejarah dan tatacara menaik-kibarkan bendera negara serta sejarah Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan'.

Selain itu, para penuntut juga menyaksikan tayangan video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera' dan berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan bagi meningkatkan lagi kefahaman tentang taklimat yang disampaikan.

Program berkenaan merupakan salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Selain itu, ia juga dihasratkan akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut.

SUASANA pada Program Taklimat Kenegaraan 'Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD)' yang diadakan di Sekolah Menengah Sayyidina Ali (SMSA), Kuala Belait (atas, kiri dan bawah kiri).



Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd. Aziz

Ambuyat Goreng Kampung Gadong Baru

BAHAN-BAHANNYA :

- 1 paket ambuyat (yang disejukkan)
- 4 ulas bawang putih
- Lada cili kisar
- Telur
- 2 sb sos lada
- 2 sb sos tiram
- 2 sb kicap manis
- Sayur sawi

CARA-CARA MEMASAK :

Potong ambuyat yang disejukkan. Campurkan sos lada, sos tiram, kicap manis di dalam mangkuk berasingan kemudian tuang sedikit sos tadi ke dalam mangkuk ambuyat yang sudah dipotong. Panaskan kualiti dan tuangkan sedikit minyak, setelah panas masukkan bawang putih yang

dipotong dadu. Setelah bawang putih sedikit garing, masukkan sos yang dicampur lalu digaulkan. Setelah semua sebatikan masukkan telur kemudian masukkan ambuyat berserta sayur. Tunggu sehingga ambuyat masak. Awda juga boleh campur ayam atau daging atau seafood ke dalam masakan ini.

2 pekerja lari daripada majikan



LUSIATI, 30 tahun, memegang Pasport E8686734 dan Sahram, 55 tahun, perempuan, memegang Kad Pengenalan 51-540967 (H) (atas kiri dan atas kanan)

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

SENGKURONG, Selasa, 11 November. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin memohon bantuan dan kerjasama orang ramai untuk mengesan dua orang pekerja perempuan warganegara Indonesia iaitu Sahram, 55 tahun, memegang Kad Pengenalan 51-540967 (H) dan Lusiati, 30 tahun, memegang Pasport

E8686734. Kedua-dua mereka ini dipercayai lari daripada majikan.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya sila hubungi ke Balai Polis Sengkurong melalui talian telefon +673 2661334 atau Talian Kecemasan 993 atau mana-mana balai polis yang berdekatan.

Muka 4.

PELITA BRUNEI Hari Rabu, 3 November, 1965.

Tugas Raayat Dalam Mendokong Kedaulatan Bahasa Rasmi Negara

(Oleh Awang Ibrahim Mohd. Said)

Melalui ruangan ini saya telah menjelaskan peranan dan tugas2 yang di-jalankan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dalam usaha melaksanakan dasar Kerajaan yang menetapkan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Dalam penjelasan yang ringkas itu saya telah menjelaskan dasar2 dari tugas DBP yang terdiri dari lima prinsip sa-bagai tujuan dari perjalanan DBP ini.

Kira-nya jelas pada umum, bahawa meskipun DBP merupakan suatu Jabatan Kerajaan, namun tugas dan kerja2 yang di-jalankan oleh DBP ada-lah merupakan suatu tugas sechara langsung yang harus mendapat perhatian dari ra'ayat umum, jika sekira-nya mereka benar2 ingin untuk menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara yang tunggal.

Sekarang, dalam menyentoh soal ini, tugas dan kerja DBP, harus mendapat dokongan yang berupa timbal-balek dari ra'ayat yang chinta kapada bahasa-nya.

Kerana akan mustahil-lah DBP akan dapat menyempurnakan tugas2 yang di-pertanggungkan Kerajaan kapada-nya tanpa dokongan yang bulat dan jujur dari masyarakat seluruh-nya.

Pada tanggal 29 September, 1965 yang lalu, bersempena dengan hari ulang-tahun ka-enam bagi Perlembagaan Brunei yang telah di-ishtiharkan pada tahun 1959 yang lalu, suatu upacara meletakkan batu asas Bangunan bagi DBP telah di-sempurnakan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan.

Pada kita seluruh-nya, megah-nya bangunan baru itu bukan-lah suatu soal utama; tetapi isi dan tujuan dari bangunan di-dirikan oleh Kerajaan ada-lah jelas, bahawa azam dan maksud Kerajaan untuk menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi itu bukan suatu perkara yang kechil atau tidak penting erti-nya.

Duli Yang Maha Mulia sendiri dalam titah ucapan baginda telah menjelaskan dasar dan maksud Kerajaan baginda dalam soal2 menjadikan Bahasa Melayu

sa-bagai bahasa rasmi negara ada-lah untuk mengusahakan perpaduan jiwa ra'ayat, menggalakkan kerjasama dengan jalan hubungan bahasa, dan kerana itu-lah Kerajaan telah menubuhkan Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menjayakan dan menyalorkan maksud2 itu.

Bagi kita seluruh-nya maksud Kerajaan yang demikian murni-nya harus-lah kita dokong sa-penoh-nya dengan jujur dan sungguh2.

Kerana kalau kita tinjau balek kebelakang, bertahun2 lalu, memang ada suara2 dan kesedaran

Kerajaan, dan telah telaksana menjadi kenyataan; hanya ter-pulang kapada kita sendiri sa-bagai ra'ayat dan warga negara untuk tampil menjiwai dan memupok hingga ia-hidup dengan subur dan megah-nya.

Dan alangkah sia2-nya nanti chita2 murni Kerajaan itu, jika kita sa-bagai ra'ayat yang dulu-nya berteriak2 untuk menempatkan kedudukan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa yang sejajar dengan kedudukan bahasa lain itu kini telah mengabaikan-nya sa-telah kedudukan Bahasa Melayu mula berada di-ambang kedaulat-

Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara, ada-lah suatu sikap yang patut di-kesalkan sekali oleh sa-tiap ra'ayat yang chinta pada negeri ini.

Kedegilan sa-tengah2 orang yang sengahaja menuliskan telinga-nya sa-hingga tidak mahu langsung menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi dalam pekerjaan sa-hari2 ada-lah merupakan suatu gejala penyakit yang tidak sehat dalam perkembangan masa depan kita.

Hal ini nanti mau tidak mau akan merupakan duri dalam daging bagi perkembangan dan penggunaan Bahasa Melayu di-negeri ini.

Yang Amat Berohrmat Menteri Besar dalam ucapan beliau pada sa'at upacara meletakkan batu asas 29 September itu antara lain



dari kalangan kita sendiri sa-bagai ra'ayat yang menyedari bahawa kita harus mempunyai satu bahasa rasmi yang tunggal sa-bagai jiwa dari bangsa dan tanah ayer kita. Bahasa rasmi itu ada-lah Bahasa Melayu.

Sekarang chita2 ra'ayat itu telah mendapat perhatian dari

an-nya sa-telah berabad2 sinar-nya tenggelam oleh bahasa asing yang menjajah kedudukan bahasa itu.

Keinsafan, kesedaran dan ada-nya rasa tanggung-jawab bagi sa-tiap orang daripada ra'ayat ada-lah merupakan suatu tenaga besar yang membimbing negara kita untuk menuju matalamat kejayaan yang sempurna.

Bangsa Melayu sendiri harus memberikan ketegasan dalam usaha2 memperkembangkan dan meningkatkan penggunaan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi negara.

Sikap pura2 dan tidak jujur dari warga negara yang bukan Melayu juga mesti-lah di-kikis dari sanubari mereka. Kerana bukan-lah suatu perkara yang mustahil, ada-nya kemungkinan petualang2 bahasa yang bersikap pepat di-luar tetapi ronching di-dalam.

Sikap2 yang berpura2 tidak tau pada dasar Kerajaan untuk melaksanakan sa-penoh-nya Bahasa

Kempen bagi menggunakan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi bagi kegunaan di-semua lapangan masih lagi berjalan. Dalam gambar ini papan nama 'Gunakan-lah Bahasa Melayu' telah di-letakkan di-sabuah simpang Jalan.

telah menegaskan lagi chita2 dan dasar Kerajaan Brunei untuk memajukan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa rasmi supaya dapat di-amalkan dengan sempurna.

Beliau selanjut-nya menyeru agar kita semua bekerjasama mendokong chita2 Kerajaan untuk menggunakan Bahasa Melayu dengan sa-penoh-nya dalam segala lapangan pekerjaan kita.

Malah seruan itu di-tujukan pula oleh beliau kapada peminat2 dan penchita bahasa supaya dapat memberikan kerjasama yang erat kapada DBP ini untuk mengisi taman sastera tanah ayer dengan karya2 mereka.

(Di-sambong lagi pada keluaran 10 November, 1965)

Gunakan-lah
Bahasa
Melayu

Bahasa Kebangsaan Negara

USAHA BERTERUSAN BANTU TINGKATKAN SOSIOEKONOMI RS



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Dalam usaha berterusan untuk menyokong serta membantu meningkatkan sosioekonomi Rakan Seliaan (RS), Persatuan Aftercare Support Association (AFSA) terus menunjukkan komitmen padu melalui pelbagai inisiatif kolaboratif.

Sehubungan itu, satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara AFSA dan Al-Barakah Company (ABC

Eats) telah diadakan hari ini.

Dengan termeterainya perjanjian ini, kerjasama strategik antara kedua-dua pihak diharap dapat merealisasikan usaha berterusan dalam menyantuni dan memperkasa RS dengan meningkatkan kemahiran dan peluang pekerjaan yang akan ditawarkan dan disediakan oleh pihak Syarikat Al-Barakah (ABC Eats)

Pihak AFSA diwakili oleh Yang Dipertuanya, Dayang Hajah

Juhana binti Haji Muhammad Jaya, manakala Al-Barakah Company (ABC Eats) diwakili oleh Pengurus Besarinya, Namatuula Najudeen.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Mohamad Abu Nor Ali Shamsul bin Awang Mohamad. Turut hadir ialah Timbalan Yang Dipertua AFSA, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Setiausaha Agung AFSA, Awang Haji Mahali bin Haji Hassan; Pengarah Keusahawanan, Dayang Hajah Salamah binti



SEKITAR majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Aftercare Support Association (AFSA) dengan Al-Barakah Company (ABC Eats) (atas dan atas kiri).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Aftercare Support Association**

Haji Mohd. Noor; Mohammad Hamizannizam bin Daimon dari Biro Kawalan Narkotik; Pengurus Operasi Al-Barakah, Ali Adel Ali Al-Nakhilani; Penyelaras HACCP dan Latihan AFSA, Awang Mohammad Sahril bin Haji Mahiri dan ahli-ahli AFSA serta RS.

Setiausaha Agung AFSA, dalam satu kenyataan, menzahirkan rasa

puas hati dengan termeterainya kerjasama ini. Beliau menambah, inisiatif seperti ini diharap dapat menarik perhatian lebih banyak syarikat dan rakan strategik untuk bersama-sama membantu dan menyokong RS agar dapat membangunkan potensi diri ke arah kehidupan yang lebih baik, stabil dan berjaya.

Kemas kini program imarah masjid, kemasyarakatan



SUASANA pada mesyuarat tersebut yang berlangsung di Bilik Dar Taibah, Masjid Kampung Sungai Besar (atas dan kanan).

■ **Siaran Akhbar dan Foto : Unit Muslimah Masjid Kampung Sungai Besar**

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Unit Muslimah Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan mesyuarat bagi mengemaskinikan program imarah dan aktiviti mentakmirkan

masjid di samping kemasyarakatan di kampung berkenaan.

Penasihat Unit Muslimah, Dayang Hajah Jamaliah @Surinam binti Juini, isteri Ketua



Kampung Sungai Besar, Sungai Belukut dan Serdang serta Ketua Unit Muslimah, Dayang Hajah Siti Awal binti Radin bersama 21 ahli Muslimah dan beliawanis hadir pada mesyuarat berkenaan yang berlangsung di Bilik Dar Taibah, Masjid Kampung Sungai Besar.

Mesyuarat turut mengongsikan laporan kewangan yang disampaikan oleh Penolong Bendahari, Dayang Sarbanun binti Haji Serudin sementara Laporan Minit Mesyuarat lalu telah disampaikan oleh Setiausaha Unit Muslimah, Dayang Zubaidah binti Haji Abd. Hamid.

Para ahli juga membincangkan persiapan bagi menyambut kedatangan rombongan Ahli Mukarramah Masjid Imam Haji Awang Hashim (MIHAH), Pekan Sipitang Sabah yang dijangka akan mengadakan lawatan balas ke Masjid Kampung Sungai Besar pada hujung bulan ini.

Keputusan HECAS dikeluarkan 12 November

■ **Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Pendidikan**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 11 November. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi sukacita ingin memaklumkan bahawa keputusan pengambilan melalui HECAS bagi kemasukan bulan Januari 2026 Sesi Akademik 2025 / 2026 untuk Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Politeknik Brunei (PB) akan dikeluarkan pada Rabu, 12 November 2025, pukul 9.00 pagi.

Pemohon-pemohon bolehlah mengakses akaun HECAS masing-masing untuk mengetahui status permohonan di laman sesawang HECAS di <https://hecas.moe.gov.bn>.

Manakala, surat tawaran akan dihantar melalui e-mel oleh pihak IPTA masing-masing kepada pemohon yang berjaya.

Tarikh akhir untuk menerima atau menolak tawaran adalah pada Sabtu, 22 November 2025, pukul 4.00 petang. Bagi pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kemasukan yang ditetapkan oleh IPTA dan berhasrat untuk membuat rayuan, pemohon hendaklah mengambil perhatian bahawa keterangan lanjut mengenai proses rayuan boleh didapati di laman sesawang HECAS di <https://hecas.moe.gov.bn> dan pemohon diberikan tempoh selama tiga hari bekerja untuk

mengemukakan rayuan kepada pihak IPTA masing-masing mulai Khamis, 13 November 2025.

Sementara itu, hari terakhir untuk menghadapi Surat Rayuan berserta dokumen berkaitan ke IPTA adalah pada Isnin, 17 November 2025 sebelum pukul 4.00 petang. Manakala, pemohon yang berhasrat untuk membuat rayuan adalah disarankan untuk memohon ke program yang berlainan daripada permohonan awal.

Untuk sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HECAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau menghubungi talian +673 2381992 / +673 2381224 semasa waktu pejabat.



سیستم کاسوقن برقوست قعاجین تیغی
HIGHER EDUCATION CENTRALIZED ADMISSION SYSTEM
SISTEM KEMASUKAN BERPUSAT PENGAJIAN TINGGI

HECAS

KEMASUKAN JANUARI 2026
SESI AKADEMIK 2025/2026

TARIKH PENGUMUMAN:
12 NOVEMBER 2025 9:00 PAGI

TARIKH AKHIR RAYUAN:
17 NOVEMBER 2025 4:00 PETANG

TARIKH AKHIR MENERIMA/ MENOLAK TAWARAN:
22 NOVEMBER 2025 4:00 PETANG

Institusi Pengajian Tinggi (UNISSA dan PB) akan mengemil surat tawaran kepada pemohon yang berjaya dan pemohon perlu menjawab sama ada menerima/ menolak tawaran terus ke IPT



Bersama memerangi diabetes, cegah sebelum parah

SAMBUTAN Hari Diabetes Sedunia telah mula disambut sejak tahun 1991 oleh Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation) dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai salah satu respons terhadap peningkatan ancaman terhadap kesihatan oleh penyakit diabetes.

Di Negara Brunei Darussalam (NBD), sambutan ini diraikan pada 14 November setiap tahun. Pada tahun ini pula tema bagi Sambutan Hari Diabetes Sedunia ialah 'Diabetes dan Kesejahteraan'.

Menyedari akan ancaman kesihatan global bagi diabetes, Sambutan Hari Diabetes Sedunia yang disambut di seluruh dunia pada setiap 14 November merupakan sebagai satu usaha global dan bersepadu untuk meningkatkan kesedaran mengenai diabetes dan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam menanganinya.

Hari Diabetes Sedunia juga menjadi sebuah platform bagi mendapatkan komitmen secara kolektif termasuk daripada individu, profesional kesihatan, penggubal dasar dalam pencegahan, diagnosis serta pengurusan diabetes dengan lebih baik.

Masyarakat sering menyangka penyakit diabetes atau kencing manis hanya dikesan dan dihadapi oleh golongan tua atau individu gemuk. Bahkan penyakit ini juga mampu menyerang dalam kalangan golongan muda.

Apa sebenarnya diabetes?

Penyakit diabetes adalah penyebab kematian yang keempat tertinggi selepas kanser, penyakit jantung dan penyakit serebrovaskular.

Menurut Kaji Selidik Kebangsaan Penyakit-penyakit Tidak Berjangkit 2015-2016, prevalens diabetes dalam kalangan orang dewasa di negara ini ialah 9.7 peratus.

Menurut data yang diperoleh daripada Persekutuan Diabetes Antarabangsa (International Diabetes Federation), seramai 463 juta orang dewasa (bersamaan dengan 1 dalam 11 orang dewasa) menghidap penyakit diabetes pada tahun 2019 dan jumlah ini dijangka akan meningkat sehingga mencecah kepada 578 juta menjelang tahun 2030.

Walau bagaimanapun, seorang dalam dua orang dewasa, iaitu kira-kira seramai 232 juta orang tidak mengetahui yang mereka menghidap penyakit diabetes.

Dalam kalangan mereka yang menghidap diabetes pula, kebanyakannya adalah terdiri

daripada mereka yang menghidapi Diabetes Jenis 2, iaitu Diabetes Mellitus.

Diabetes atau kencing manis adalah keadaan apabila paras gula atau glukosa dalam darah lebih tinggi daripada paras normal, disebabkan kekurangan hormon insulin dalam badan atau peningkatan rintangan badan terhadap insulin.

Ada dua jenis diabetes iaitu, Jenis Satu dan Jenis Dua. Diabetes Jenis Satu selalunya membabitkan kegagalan organ pankreas untuk menghasilkan insulin. Penyakit ini memerlukan rawatan suntikan insulin.

Manakala Diabetes Jenis Dua pula, disebabkan oleh peningkatan rintangan insulin, menyebabkan wujudnya kekurangan insulin berkesan yang relatif dalam badan. Berbanding dengan Diabetes Jenis Satu, Diabetes Jenis Dua boleh dirawat dengan ubat-ubatan dalam bentuk pil atau gabungan dengan rawatan insulin. Diabetes Jenis Dua paling biasa ditemui dan lebih 90 peratus daripadanya adalah penghidap jenis berkenaan.

Penyakit diabetes, sememangnya memberi impak yang besar terhadap ekonomi disebabkan oleh peningkatan beban penjagaan kesihatan dan kehilangan produktiviti.

Diabetes juga menyebabkan kematian sebanyak 4.2 juta pada tahun 2019 dan kos rawatan penyakit diabetes mencecah sehingga BND760 juta pada tahun 2019, iaitu bersamaan dengan 10 peratus jumlah keseluruhan perbelanjaan penjagaan kesihatan di peringkat global.

Hasil Kaji Selidik Kebangsaan Status Kesihatan dan Pemakanan Negara Brunei Darussalam (NHANSS) 2009 - 2011 mendapati sebanyak 12.4 peratus penduduk di negara ini menghidap penyakit Diabetes Mellitus.

Manakala, Kaji Selidik STEPS-wise Kebangsaan 2015-2016 pula mendapati sebanyak 9.7 peratus orang dewasa berumur 18 - 67 tahun mempunyai tahap gula dalam darah yang tinggi. Penyakit diabetes merupakan penyakit tidak berjangkit yang utama di seluruh dunia, walaupun terdapat kemajuan dalam perubatan dan ia adalah merupakan punca kematian ketiga tertinggi di NBD.

Buat ujian saringan / rawatan diabetes

Diabetes boleh didiagnosis dengan pengukuran gula dalam darah seperti glukosa darah selepas berpuasa semalaman (FBS), melalui ujian toleransi glukos (OGTT) atau *glycosylated hemoglobin* (HbA1c).

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Mengenai peningkatan tahap glukosa darah (hiperglisemia) melebihi tahap jangkauan biasa, tetapi kurang daripada had diagnosis kencing manis ini merupakan keadaan pra-diabetes. Pentakrifan pra-diabetes mempunyai kesan penting dalam kesihatan awam kerana pada peringkat ini, jika langkah seperti penjagaan makanan dan amalan gaya hidup sihat dan penurunan berat badan berlebihan dapat dibuat, mereka yang pra-diabetes boleh kembali ke paras gula darah normal dan sesetengah individu juga boleh diberikan ubat-ubatan seperti Metformin berserta preskripsi diet berserta senaman yang perlu diamalkan setiap hari bagi menghidari penyakit ini. Ubat-ubatan diabetes yang biasanya diberi kepada pesakit tidak akan merosakkan organ badan, malah ada antaranya melindungi organ badan daripada rosak disebabkan diabetes.

Kepentingan mengekalkan pengawalan gula yang baik adalah amat penting bagi pesakit diabetes dalam membantu mengurangkan dan mengelakkan komplikasi jangka panjang, seperti masalah jantung, kegagalan buah pinggang, amputasi dan sebagainya, termasuk penjaga dan masyarakat perlu bekerjasama dengan profesional kesihatan dalam memastikan pesakit menerima penjagaan yang holistik.

Mereka yang berhadapan dengan masalah diabetes perlu diberi pengetahuan mengenai pencegahan, pengurusan yang efektif dan cara-cara untuk memperoleh sumber maklumat klinikal kerana pendidikan mengenai pengurusan diri berkaitan diabetes merupakan komponen asas yang sangat penting dalam pencegahan diabetes dan seharusnya mudah diakses dan diperoleh orang ramai.

Berwaspada

Sebenarnya ramai individu dikesan mempunyai kencing manis atau diabetes tidak sedar akan kewujudan penyakit ini kerana majoriti mereka tidak menunjukkan tanda-tanda seperti kerap kencing, dahaga, lapar, kelesuan dan penurunan berat badan. Oleh itu, masyarakat digalakkan menjalani ujian saringan darah untuk kencing manis terutama jika mereka mempunyai faktor seperti sejarah keluarga yang menghidap penyakit itu, berat badan berlebihan, pernah didiagnosis kencing manis semasa mengandung, mempunyai tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi.

Selain gaya hidup kurang aktif dari segi

senaman dan aktiviti fizikal juga menyumbang pada peningkatan penyakit diabetes atau kencing manis.

Diabetes tidak boleh dipandang ringan kerana ia dikategorikan sebagai antara penyakit kronik paling kerap dihadapi pelbagai peringkat usia selepas darah tinggi dan kolesterol tinggi.

Diabetes boleh memberi kesan buruk kepada kesihatan dalam tempoh jangka panjang seperti penyakit mata, kerosakan buah pinggang, kerosakan saraf, penyumbang kepada kejadian angin ahmar dan serangan sakit jantung. Malahan ia juga menyebabkan luka kaki tidak dapat sembuh dan sering menyebabkan jangkitan kuman yang parah sehingga perlu dioperasi.

Usia seseorang mendapat penyakit diabetes juga mempengaruhi jangka hayatnya. Ini kerana komplikasi diabetes mungkin akan berlaku seperti kerosakan buah pinggang, masalah jantung dan risiko strok yang boleh menyebabkan kematian.

Di NBD, terdapat kira-kira 23,000 orang hidup dengan masalah penglihatan dan daripada jumlah tersebut, lebih daripada 800 diklasifikasikan sebagai buta menurut statistik pada 2020. Ini bermakna prevalen kehilangan penglihatan ialah 5.1 peratus dan prevalen buta ialah 0.2 peratus. Antara punca utama masalah penglihatan di NBD ialah katarak, masalah rabun dan retinopati diabetes.

Penyakit ini juga menjejaskan lebih kurang satu pertiga daripada penghidap diabetes dan pada ketika ini dianggarkan 12 hingga 20 peratus daripada penduduk NBD (lebih kurang 50,000) menghidap penyakit diabetes dengan 20 hingga 30 peratus penghidap diabetes terkesan oleh retinopati diabetes.

Bertepatan dengan tema Sambutan Hari Diabetes Sedunia Kementerian Kesihatan akan sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan dalam penjagaan kesihatan demi mencapai Wawasan Brunei 2035 untuk menjamin kualiti kehidupan yang tinggi bagi penduduk NBD dengan memastikan setiap rakyat dan penduduk akan mendapat penjagaan kesihatan yang saksama dan mudah diakses serta menyediakan sistem penjagaan dan perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, di samping memperkukuhkan langkah-langkah pencegahan penyakit-penyakit tidak berjangkit, termasuk penyakit diabetes dan mempromosikan kesejahteraan hidup di semua peringkat usia.



PENGELUARAN, JUALAN KENDERAAN TENAGA BAHARU REPUBLIK RAKYAT CHINA MELONJAK

BEIJING, Selasa, 11 Nov. - Sektor kenderaan tenaga baharu (New Energy Vehicle-NEV) Republik

Rakyat China mencatatkan pertumbuhan kukuh dalam pengeluaran dan jualan dalam

tempoh 10 bulan pertama tahun 2025, menurut data industri yang dikeluarkan hari ini.

Pengeluaran NEV melonjak 33.1 peratus tahun ke tahun kepada hampir 13.02 juta unit dalam tempoh 10 bulan pertama, menurut data yang dikeluarkan oleh Persatuan Pengilang Automobil China (CAAM).

Jualan dalam tempoh yang sama meningkat 32.7 peratus tahun ke tahun kepada lebih daripada 12.94 juta unit, menyumbang 46.7 peratus daripada jumlah jualan kenderaan

baharu di Republik Rakyat China, menurut data CAAM.

Menurut persatuan itu, pasaran automotif Republik Rakyat China mengekalkan trend pertumbuhan yang kukuh pada bulan Oktober, dengan pasaran NEV berkembang pesat dan eksport automotif menunjukkan daya tahan.

Pada bulan Oktober sahaja, jualan NEV mencecah hampir 1.72 juta unit, menyumbang 51.6 peratus daripada semua jualan kenderaan baharu. Ini juga menandakan kali pertama jualan NEV menyumbang lebih separuh daripada semua jualan kenderaan

baharu di negara ini.

Jumlah pengeluaran automotif melebihi 27.69 juta unit dalam 10 bulan pertama, menandakan peningkatan tahun ke tahun sebanyak 13.2 peratus, manakala jualan meningkat 12.4 peratus kepada hampir 27.69 juta unit.

Data juga menunjukkan bahawa eksport automotif Republik Rakyat China meningkat 15.7 peratus tahun ke tahun kepada 5.62 juta unit dalam tempoh yang sama. Terutamanya, eksport NEV melonjak 90.4 peratus tahun ke tahun kepada 2.01 juta unit. - ©XINHUA



FOTO yang diambil pada 3 November 2025 ini menunjukkan barisan pemasangan kenderaan tenaga baharu (NEV) BYD, pengeluar NEV terkemuka Republik Rakyat China, di kilang BYD di Zhengzhou, Wilayah Henan, tengah Republik Rakyat China.

Republik Turkiye tahan lapan individu, gantung lebih 1,000 pemain dalam skandal pertaruhan bola sepak

ANKARA, 11 Nov. - Pihak berkuasa Republik Turkiye pada Isnin menahan lapan individu, termasuk Pengerusi kelab bola sepak Eyupspor, Murat Ozkaya sebagai sebahagian daripada siasatan yang meluas berhubung kegiatan pertaruhan haram dalam perlawanan bola sepak, lapor Xinhua.

Persekutuan Bolasepak Turkiye (TFF) turut menggantung seramai 1,024 pemain di semua peringkat profesional sementara menunggu semakan disiplin.

Penahanan itu dibuat selepas operasi besar-besaran yang diselenggarakan oleh Bahagian Jenayah Siber Istanbul dan Pejabat Pendakwa Raya.

Menurut penyiar kerajaan TRT, suspek yang terdiri daripada pegawai kelab dan pengadil telah dibawa ke mahkamah selepas siasatan yang dijalankan bersama oleh dua agensi berkenaan.

Polis melaksanakan operasi serentak di 13 wilayah, termasuk Ankara, Antalya, Bolu, Diyarbakir, Istanbul, Izmir dan Trabzon.

Seramai 21 individu pada awalnya ditahan selepas pemantauan dan pemerhatian teknikal dijalankan.

TFF pada Isnin memaklumkan bahawa seramai 1,024 pemain daripada pelbagai liga telah dirujuk kepada Majlis Tatatertib Bolasepak Profesional kerana disyaki terabit dalam aktiviti pertaruhan.

Kesemua mereka digantung sementara siasatan diteruskan.

"Berkaitan dengan siasatan pertaruhan ini, seramai 1,024 pemain telah dirujuk secara sementara kepada Majlis Tatatertib Bolasepak Profesional," kata TFF dalam satu kenyataan.

Langkah menyeluruh itu diambil beberapa minggu selepas TFF menggantung seramai 149 pengadil dan penolong pengadil susulan dakwaan bahawa pegawai perlawanan tersebut turut membuat pertaruhan dalam perlawanan yang mereka kendalikan - satu pelanggaran langsung terhadap peraturan integriti bola sepak. - ©BERNAMA

Penerbangan ke Seoul dilencong ke Munich selepas juruterbang kesan bau terbakar

MUNICH, 10 Nov. - Sebuah pesawat Air France dari Paris ke Seoul terpaksa dilencongkan ke Munich pada Ahad selepas bau terbakar dikesan di bahagian kokpit, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) memetik kenyataan syarikat penerbangan itu.

Pesawat itu mendarat di Munich pada awal petang, menurut pihak lapangan terbang.

Kru memilih untuk mendarat

sebagai langkah berjaga-jaga, kata syarikat penerbangan itu sambil memaklumkan bahawa punca bau terbakar berkenaan masih belum dikenal pasti.

Jurucakap lapangan terbang berkata pesawat berkenaan telah ditunda keluar selepas mendarat.

Tiada kecederaan dilaporkan dalam kalangan penumpang, yang kemudiannya dibawa ke terminal dan diberikan bantuan

oleh kakitangan terminal serta pekerja syarikat penerbangan.

Menurut Air France, penerbangan pulang ke Paris dirancang pada lewat petang dan penginapan akan disediakan untuk para penumpang sekiranya diperlukan.

Syarikat penerbangan itu bagaimanapun masih belum memaklumkan penerbangan pengganti ke Seoul. - ©BERNAMA

AI dijangka cetus pengurangan pekerjaan dalam kalangan syarikat besar UK

MOSCOW, 10 Nov. - Kira-kira satu perempat daripada syarikat swasta utama di United Kingdom (UK) dijangka mengurangkan jumlah pekerja dalam tempoh setahun akan datang akibat penggunaan Kecerdasan Buatan (AI), lapor akhbarFinancial Timesyang memetik kajian Chartered Institute for Personnel and Development (CIPD), menurut Sputnik/RIA Novosti.

Sebanyak 26 peratus organisasi mega dalam sektor swasta dan 20

peratus majikan dalam sektor awam menjangkakan pengurangan tenaga kerja dalam tempoh 12 bulan akan datang akibat penggunaan AI, menurut laporan itu.

Kajian itu turut mendapati 37 peratus pengurus sektor kewangan menjangkakan pengurangan kakitangan melalui AI, diikuti 26 peratus dalam sektor Teknologi Maklumat (IT), serta 24 peratus dalam sektor perundangan dan perundingan.

Sebelum ini, kajian oleh bank British Lloyds menunjukkan lebih separuh rakyat Britain menggunakan AI untuk menguruskan kewangan mereka.

Lebih satu pertiga pengguna menggunakan AI bagi mendapatkan cadangan pelaburan, suku daripadanya untuk pengurusan hutang, manakala 39 peratus bergantung kepada AI untuk perancangan kewangan jangka panjang termasuk mendapatkan maklumat mengenai pencen. - ©BERNAMA

2 maut dalam nahas pesawat ringan di Florida

WASHINGTON, 11 Nov. - Dua terbunuh apabila sebuah pesawat ringan terhempas di bandar Coral Springs, Florida pada Isnin, lapor Sputnik / RIA Novosti memetik pihak berkuasa tempatan.

Menurut laporan awal CBS 12, pesawat ringan berkenaan dalam penerbangan ke Jamaica bagi melaksanakan misi bantuan kemanusiaan susulan Taufan Melissa sebelum terhempas ke dalam sebuah kolam di Coral Springs.

Dalam satu kenyataan di laman sesawang rasminya, kerajaan bandar Coral Springs mengesahkan bahawa dua individu maut dalam kejadian itu. Taufan Melissa melanda Jamaica pada Selasa, menyebabkan banjir besar serta kerosakan terhadap infrastruktur.

Ia kemudiannya melanda Cuba, Republik Dominican, Haiti dan beberapa negara kepulauan kecil di rantau Caribbean, mengakibatkan kemusnahan di sepanjang laluan. - ©BERNAMA

2 menara di Loji Kuasa Ulsan dirobohkan bagi memudahkan operasi mencari mangsa hilang

ULSAN (Korea Selatan), 11 Nov. - Pihak berkuasa Korea Selatan akan meletupkan dua menara dandang bersebelahan menara yang runtuh minggu lalu bagi memudahkan usaha mencari mangsa yang masih hilang, lapor Agensi Berita Yonhap memetik pihak berkuasa Korea Selatan.

Kedua-dua menara berkenaan iaitu Menara No. 4 dan No. 6 menyukarkan usaha mencari empat pekerja yang masih terperangkap di bawah runtuhan, selepas Menara No. 5 di loji janakuasa terma di bandar Ulsan runtuh pada Khamis lalu.

"Kami telah menjalankan pemeriksaan keselamatan untuk kerja letupan Menara No. 4 dan No. 6 serta memaklumkan kepada semua institusi yang terletak dalam radius satu kilometer dari kawasan letupan," kata Menteri Buruh Kim Young-hoon semasa taklimat di lokasi kejadian.

Kerja melemahkan struktur kedua-dua menara itu telah disiapkan dengan memotong rangka keluli dan tiang sokongan di dalamnya, manakala bahan letupan ditempatkan di lokasi. Menurut pegawai, kedua-dua menara itu perlu dirobohkan menjauhi sisa runtuhan Menara No. 5 bagi membolehkan kerja mencari dijalankan dengan lebih selamat dan berkesan.

Pihak bomba memaklumkan seramai 70 anggota melibatkan lapan pasukan akan dihantar ke kawasan runtuhan selepas kerja letupan selesai dijalankan. Seramai tujuh pekerja dilaporkan terperangkap di loji milik cawangan Ulsan syarikat utiliti milik kerajaan, Korea East-West Power Co.

Setakat ini, tiga mayat ditemukan manakala empat lagi masih hilang, termasuk dua dipercayai telah meninggal dunia. Menara yang runtuh setinggi 60 meter itu dalam proses perobohan selepas digunakan selama 40 tahun sehingga 2021. - ©BERNAMA

Gempa bumi 5.1 skala Richter landa timur Yamada, Jepun - USGS

BEIJING, 10 Nov. - Gempa bumi berukuran 5.1 skala Richter menggegarkan kawasan 144 kilometer di timur Yamada, Jepun pada 2204 GMT Ahad, lapor Xinhua memetik Kajian Geologi Amerika Syarikat (USGS).

Pusat gempa pada kedalaman 10 kilometer ditentukan pada 39.36 darjah utara dan 143.62 darjah. - ©BERNAMA

KEMENTERIAN PENDIDIKAN JUARA KEJOHANAN BADMINTON



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai bersama pasukan juara pada Kejohanan Badminton di Antara Kementerian-kementerian.

TUTONG, Isnin, 10 November. - Kementerian Pendidikan sekali lagi berjaya mengekalkan kejuaraannya pada Kejohanan Badminton di Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) kali Ke-32 Tahun 2025 yang melabuhkan tirainya baru-baru ini bertempat di gelanggang badminton Kompleks Sukan Tutong.

Perlawanan akhir tersebut menyaksikan saingan sengit antara dua buah pasukan dari Kementerian Pendidikan yang

menyaksikan Pasukan MOE BeyondEdu berjaya menewaskan MOE EduShuttlers dengan keputusan 3 - 2 menerusi lima perlawanan.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan perlawanan akhir kejohanan dan seterusnya menyampaikan penyampaian hadiah ialah Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Hadir sama pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Timbalan

Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, Penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong.

Juara membawa pulang hadiah berupa piala, pingat, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak BND900.

Selain itu, juara turut membawa pulang Piala Pusingan yang disumbangkan oleh Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Naib juara, Pasukan MOE EduShuttlers menerima hadiah

Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

berupa piala, pingat, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak BND700.

Manakala tempat ketiga dimenangi oleh Pasukan MOH Smash Royale dari Kementerian Kesihatan yang membawa pulang piala, pingat, sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak BND400, dan tempat keempat dimenangi oleh Pasukan MOHA Ace dari Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, membawa pulang sijil penyertaan dan wang tunai sebanyak BND300.

Manakala, johan bagi Consolation Draw dimenangi oleh Pasukan KKBS Shuttle Squad dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan membawa pulang piala, pingat dan sijil penyertaan.

Sebanyak 21 pasukan mewakili kementerian - kementerian telah menyertai kejohanan berpasukan ini yang mempertandingkan sebanyak lima kategori iaitu Beregu Lelaki (Bahagian I dan Terbuka), Beregu Lelaki 'A' (Kategori B2 dan Ke Atas), Beregu Lelaki 'B' (Kategori Bahagian III dan Ke Bawah), Beregu Wanita 'A' (Kategori Bahagian III Dan Ke Atas) serta Beregu Wanita 'B' (Kategori Bahagian IV dan Ke Bawah).

Kejohanan Badminton Antara Kementerian - kementerian sempena Sambutan HPA Kali Ke-32 ini dianjurkan bersama oleh Jabatan Bandaran Tutong dan Jabatan Daerah Tutong, serta dikendalikan oleh EYH United. Kejohanan didukung oleh Imagine Sendirian Berhad serta disokong oleh Persatuan Badminton Kebangsaan Brunei Darussalam

(BNBA).

Penganjuran acara ini antara lain bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan, kerjasama dan keharmonian dalam kalangan warga Perkhidmatan Awam, di samping memperkukuhkan lagi hubungan silaturahim antara kementerian-kementerian melalui aktiviti sukan yang sihat dan bermanfaat.

Ia juga dihasratkan dapat membina semangat kesukanan dan kerja berpasukan, meningkatkan motivasi serta kesejahteraan fizikal dan mental warga kerja Perkhidmatan Awam agar sentiasa cergas, produktif dan berdaya saing dalam melaksanakan tugas serta tanggungjawab harian.

Selain itu, kejohanan seumpama ini turut berperanan sebagai platform memperkukuh nilai integriti, disiplin dan semangat berpasukan yang menjadi tunjang kepada keberkesanan penyampaian Perkhidmatan Awam kepada rakyat dan negara.

Sebagai penutup, pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua kementerian yang telah mengambil bahagian, para pegawai dan urus setia yang terlibat serta pihak penaja atas sokongan dan kerjasama yang diberikan.

Diharapkan kejohanan seumpama ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang sebagai wadah memperkukuh semangat kebersamaan dan kecemerlangan warga Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam.

Pupuk semangat kesukanan, kejayaan mahasiswa mahasiswi KUPU SB



SESI bergambar ramai pada Riadah Mahabbah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) yang diadakan di Pantai Muara merupakan sambutan gabungan Majlis Sambutan Hari Guru dan Majlis Kemuncak Penutup Sukan Tahunan KUPU SB.

Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 10 November. - Ke arah mewujudkan suasana harmoni dan mesra melalui aktiviti-aktiviti yang sihat lagi bermakna, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar menganjurkan Riadah Mahabbah KUPU SB di Pantai Muara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Timbalan Ra'es KUPU SB, Dr. Awang Haji

Abang Hadzmin bin Haji Abang Taha selaku wakil Ra'es KUPU SB.

Turut hadir, pegawai-pegawai eksekutif, pegawai-pegawai utama, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa mahasiswi KUPU SB yang mewakili empat buah rumah sukan iaitu Rumah Tabligh, Rumah Siddiq, Rumah Amanah dan Rumah Fathonah.

Riadah Mahabbah yang diadakan merupakan gabungan Majlis Sambutan Hari Guru dan

Majlis Kemuncak Penutup Sukan Tahunan KUPU SB.

Ia secara tidak langsung bertujuan untuk menghargai jasa dan pengorbanan para pendidik serta meraikan semangat kesukanan dan kejayaan mahasiswa mahasiswi.

Penganjuran secara serentak ini dapat memupuk semangat kekitaan, mengeratkan hubungan antara warga kolej universiti serta menjadikan majlis lebih meriah dan menjadi ristaan.

Melalui acara ini juga, seluruh warga KUPU SB dapat menzahirkan rasa kegembiraan, memperkukuh kerjasama dan

terus berusaha melahirkan insan yang cemerlang dari segi akademik, sahsiah dan jasmani.

Berkonsepkan Sukaneka, acara diisikan dengan sesi pemanasan badan di samping pelbagai aktiviti seperti 'Perpisahan', 'Di Antara Retak dan Rasa', 'Angkat Cawan Jemuran', 'Kakimu Kakiku', 'Alunan Sandal', 'Musical slippers', 'Kain dan Bayu', 'Seimbang', 'Garis Tengah' dan 'Titian Mahabbah'.

Kemuncak acara, pengumuman pemenang-pemenang dan penyampaian

hadiah bagi acara Sukaneka, Kem Terbaik dan Sukan Tahunan.

Johan bagi acara Sukaneka disandang oleh Rumah Tabligh sementara Rumah Fathonah memenangi tempat kedua dan ketiga pula disandang oleh Rumah Siddiq. Manakala, Kem Terbaik dirangkul oleh Rumah Siddiq.

Bagi Sukan Tahunan, Rumah Fathonah merangkul gelaran juara bagi tahun 2025 ini. Manakala Rumah Amanah dan Rumah Siddiq masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.



BERANGKAT KE TRADITIONAL SAUDI DINNER



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat ke Traditional Saudi Dinner daripada President of the Saudi Table Tennis Federation.

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

RIYADH, ARAB SAUDI, Selasa, 11 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menerima undangan Traditional Saudi Dinner daripada President of the Saudi Table Tennis Federation

yang diadakan di Bujairi, Diriyah, Riyadh, Arab Saudi.

Majlis berkenaan adalah bersempena dengan Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games-ISG 2025) yang berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Pada Sukan Perpaduan Islam kali ini, NBD menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu Lawan Pedang, Karate dan Angkat Berat.

Presiden BDNOC beri sokongan atlet negara



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan bergambar ramai bersama para atlet negara.

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

RIYADH, ARAB SAUDI, Selasa, 11 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan

Weightlifting yang melibatkan atlet negara.

Atlet negara, iaitu Awang Mohammad bin Haji Kamit menyertai pertandingan bagi Kategori Men's 79 Kilogram (kg) pada Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games - ISG 2025).

ISG Ke-6 2025 berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Weightlifting



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden BDNOC berkenan menyaksikan salah seorang atlet negara semasa Pertandingan Sukan Weightlifting bagi Kategori Men's 65 Kilogram (kg) (kiri dan bawah kiri).

Haji Sufri Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (BDNOC) telah berkenan berangkat menyaksikan Pertandingan Sukan Weightlifting yang melibatkan atlet negara, iaitu Awang Mohammad Nashrul bin Haji Abu Bakar bagi Kategori Men's 65 Kilogram (kg).

Kategori Men's 65kg telah disertai oleh 12 negara, iaitu Kesultanan Oman, Republik Turkiye, Republik Uzbekistan, Arab Saudi, Kuwait, Republik Rakyat Bangladesh, Republik Islam Iran, Republik Indonesia, Azerbaijan, Mesir, Republik Uganda, dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

NBD telah menghantar kontinjen bagi menyertai Sukan Perpaduan Islam Ke-6 2025 (6th Islamic Solidarity Games-ISG 2025) yang berlangsung bermula pada 7 hingga 21 November 2025 di Riyadh, Arab Saudi.

Pada Sukan Perpaduan Islam kali ini, NBD menyertai sebanyak tiga acara sukan, iaitu Lawan Pedang, Karate dan Angkat Berat.

Oleh : Srinarawie Bidzah
Foto : Ihsan Urus Setia Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Perpaduan Islam Ke-6

RIYADH, ARAB SAUDI, Isnin, 10 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisua Pengiran Muda

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

JANGAN TINGGALKAN DOA DALAM KEHIDUPAN SEHARIAN